

# PENGGUNAAN BILIK OPERASI PENDIDIKAN ISLAM DI SEKOLAH MENENGAH

Kamarul Azmi Jasmi  
Azhar Muhammad  
Bushrah Basiron  
Mohd Ismail Mustari  
Norzubaidha Ismail  
Syahida Fadilla Moktar  
Zalina Pareng  
Masnizah Osman  
Muhamad Faiz Ismail

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia, qamar@utm.my

## Suggested Citation:

Jasmi, K. A., Muhammad, A., Basiron, B., Mustari, M. I., , Ismail, N., Moktar, S. F., Pareng, Z., Osman, M., Ismail, M. F. (2013). Penggunaan Bilik Operasi Pendidikan Islam di Sekolah Menengah. Penyelidikan Vote: QJ130000.2833.00L08. Skudai, Johor: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.

## INTRODUCTION

Pendidikan Islam merupakan bidang yang sangat penting dalam membangunkan individu muslim demi mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Sejarah perkembangan awal Islam pada zaman Rasulullah s.a.w. telah memperlihatkan kebijaksanaan baginda memanfaatkan potensi masjid bagi menyatukan elemen teori dan amali dalam pendidikan Islam pada zaman tersebut. Pembinaan masjid sebagai institusi pertarbihan umat Islam telah berjaya membangunkan peradaban Islam yang gemilang (Mohd Mokhtar, 2003; Bani Hidayat *et. al.* 2010; Jasmi, 2011). Secara umumnya, bab ini akan membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi operasional.

## REFERENCES

- Ab. Halim Tamuri, Muhamad Faiz Ismail & Kamarul Azmi Jasmi. 2012. A New Approaches in Islamic Education: Mosque Based Teaching and Learning. *Journal of Islamic and Arabic Education*. 4(1):1-10.
- Ab. Halim Tamuri. 2000. *A Study of Students' Knowledge of Akhlaq of the Malaysian Secondary Education*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti of Birmingham, United Kingdom.
- Ab. Halim Tamuri. 2001. Development of School Curriculum in Muslim Countries: The Malaysian Post-Independence Experience. *Muslim Education Quarterly*. 18 (3) : 2237.
- Ab. Halim Tamuri, Shahrin Awaluddin & Tajul Ariffin Noordin. 2003. *Fungsi Surau dan Keberkesanannya dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam: Satu Kajian di Sekolah-Sekolah Menengah Negeri Selangor*. Laporan Penyelidikan. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Ab. Halim Tamuri, Adnan Yusopp, Kamisah Osman, Shahrin Awaluddin, Zamri Abdul Rahim & Khadijah Abdul Razak. 2004. *Keberkesanan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam ke atas Pembangunan Diri Pelajar*. Laporan Penyelidikan. Bangi: Fakulti Pendidikan, UKM dan Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Abd. Shukor Mohd Ali. 2008. Modul Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam berasaskan Masjid: Satu Kajian di Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Rawang, Bandar Tasik Puteri, Rawang, Selangor. Kertas Kerja Projek Sarjana Pendidikan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdullah Ishak. 1995. *Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Sani Yahaya. 2003. *Perkembangan Pendidikan di Malaysia*. Pahang: PTS Publications and Distributor Sdn Bhd.
- Abdullah Muhamad Zin, Zulkiple Abd Ghani & Abdul Ghafar Don. 2005. *Pendidikan Islam di Malaysia: dari Pondok ke Universiti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abd. Rauf Dalip. 1990. Pendidikan Islam dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah : Ke Arah Amalan dan Penghayatan Nilai Islam. *Jurnal Pendidikan Islam*. (2) : 36-45.
- Abu Al-Ainain, 'Ali Khalil Mustofa. 1988. *Falsafah al-Tarbiyyah al-Islamiyyah fi al-Quran al-Karim*. Al-Madinah al-Munawwarah: Maktabah Ibrahim Halbi.
- Ahmad Tafsir 2002. *Metodologi Pengajaran Agama Islam*. Bandung: Penerbit PT Remaja Rosdakarya.
- Airi Abu Bakar. 2003. *Sikap Pelajar terhadap Mata pelajaran Pendidikan Islam: Satu Kajian di Sekolah-Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Alor Gajah Melaka*. Kertas Kerja Projek Sarjana Pendidikan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Abrasyi, Muhammad Atiyah. 1976. *Al-Tarbiyah al-Islamiyyah wa Falasafatuba*. Al-Qahirah: Dar al-Fikr al-'Arabiyy.
- Al-Attas, Syed Muhammad al-Naquib. 1979. *Aims and Objective of Islamic Education*. Jeddah: Hodder and Stoughton.
- Al-Attas, Syed Muhammad al-Naquib. 1980. *The Concept of Education in Islam: A Framework for an Islamic Philosophy of Education*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).
- Al-Nahlawy, Abdul Rahman. 1979. *Usul al-Tarbiyah al-Islamiyyah wa Asalibiha*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Al-Syaibany, Umar bin Muhammad al-Taomy. 1975. *Muqaddimah fi Falsafah al-Islamiyyah*. Libya: al-Dar al-Arabiyyah li al-Kitab.
- Amjad Mahmud Hussain, Mohd Aderi Che Nohd & Ab. Halim Tamuri. 2011. The Need for an Islamic Social History: A Focus on Islamic Education. *Muslim Education Quarterly*. 24 (3&4) : 3-13.
- Anisah Ali. 2009. *Keberkesanan Modul Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Berasaskan Masjid : Satu Kajian di SMKA Sultan Muhammad, Melaka*. Kertas Kerja Projek Sarjana Pendidikan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bahagian Pendidikan Islam. KP.5206/12/5 (17), 2 Mac 1989.
- Bani Hidayat Mohd Shafie, Nor Hayati Fatmi Talib, Mohd Aderi Che Noh & Ab. Halim Tamuri. 2010. Penggunaan Surau Sekolah dalam Pelaksanaan Pendidikan Islam KBSM di Sekolah-Sekolah Menengah. *International Conference on Islamic Education*, hlm 143-155.
- Campo, Juan Eduardo. 2009. *Encyclopedia of Islam*. New York: Infobase Publishing.
- Cohen, L. & Morrison, K. 2000. *Research Methods in Education*. (5th Ed). London: Routledge Falmer.
- Corbin, Juliet & Strauss, Alselm. 2008. *Basics of Qualitative Research*. (3rd Ed.). London: Sage Publications Ltd.
- Creswell, John W. 2003. *Design Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*. (2nd Ed.). California : Sage Publications, Inc.
- El-Muhammady, Abdul Halim. 1991. *Pendidikan Islam: Falsafah, Disiplin dan Peranan Pendidik*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).
- Esposito, John L. 1995. *The Oxford Encyclopedia of the Modern World*. New York: Oxford University Press.
- Ghazali Darussalam. 2001. *Pedagogi Pendidikan Islam*. Selangor: Cepat Cetak Sdn. Bhd.
- Hassan Langgulung. 1981. *Beberapa Tinjauan dalam Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Hassan Langgulung. 1987. *Asas-asas Pendidikan Islam*. Jakarta: Pustaka al-Husna.
- Hennink Monique, Hutter Inger & Bailey Ajay. 2011. *Qualitative Research Methods*. London: Sage Publications Ltd.
- Holliday, Adrian. 2007. *Doing and Writing Qualitative Research*. (2nd Ed.). London: Sage Publications Ltd.
- Hussain Othman, Berhannudin Mohd Salleh, Syed Muhammad Dawilah al-Edrus & Abdullah Sulaiman. 2008. Pelaksanaan Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman (PBL dan POPBL) bagi Meningkatkan Kemahiran Insaniah Pelajar. *Prosiding SKIKS*, hlm 107-118.
- Jasmi Amin, Ab. Halim Tamuri & Noor Zaly Moktar Kasim. 2010. Peranan Surau Sekolah Sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan Islam. *International Conference on Islamic Education*, hlm 287-302.
- Jasmi Amin. 2011. *Penggunaan Surau dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Kebangsaan di Negeri Melaka*. Tesis Sarjana Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. 2007. *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Johor: Penerbit UTM.
- Kamarul Azmi Jasmi. 2010. *Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes*. Tesis doktor falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2002. *Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSM*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kolb, Alice Y. & Kolb, David A. 2005. Learning Styles and Learning Space: Enhancing Experiential Learning in Higher Education. *Academy of Management Learning & Education*. 4(2):193-212.
- Kolb, David A. 1984. *Experiential Learning: Experience as a Source of Learning and Development*. Prentice-Hall, Inc.
- Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Dasar Pelajaran. 1984. Kementerian Pelajaran Malaysia. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmoud Abdulwahed & Zoltan K. Nagy. 2009. Applying Kolb's Experiential Learning Cycle for Laboratory Education. *Journal of Engineering Education*. Julai:283-294.
- Merriam, Sharan B. 1998. *Qualitative Research and Case Study Applications in Education: Revised and Expanded from Case Study Research in Education*. John Wiley & Sons.
- Mohd. Azman Mohamed Yusof 2009. *Modul pengajaran dan pembelajaran berasaskan masjid pendidikan Islam KBSM Tingkatan Dua di Sekolah Menengah Agama Persekutuan, Kajang Selangor*. Kertas Kerja Projek Sarjana Pendidikan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Mokhtar Shafii. 2003. Masjid sebagai pusat pendidikan dan penjanaan umat cemerlang. *Jurnal Pendidikan Islam*. (10) : 41-56.
- Mok Soon Seng. 1992. *Pedagogi 2: Strategi Pengajaran Pembelajaran Mikro*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.
- Neuman, W.R. 2003. *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches*. (3rd ed.). Needham Height, MA: Allyn and Bacon.
- Patton, M. Q. (1990). *Qualitative Evaluation and Research Method*. (2nd Ed.) Thousand Oaks: Sage Publication.
- Pekeliling Kementerian Pelajaran Bil 9A/1976, 9 September 1976.
- Richards, Lyn. 2009. *Handling Qualitative Data*. London: Sage Publications Ltd.
- Robert W. Clark, Mark D. Threton & John C. Ewing. 2010. The Potential of Experiential Learning Models and Practices in Career and Technical Education. *Journal of Career and Technical Education*. 25 (2):46-62.
- Rosli Ibrahim. 2010. *Penilaian Pelajar terhadap Fungsi Surau dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam di Sekolah-Sekolah* Kebangsaan Malaysia.
- Shahrin Awaluddin. 1998. Pendidikan Islam Berasaskan Realiti Semasa. Dlm Juriah Long (pny). *Inovasi dalam Kaedah Pengajaran*. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shahril@Charil Marzuki, Zainun Ishak, Lee Pau Wing & Saedah Siraj. 1995. *Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Syed Muhammad Qutb. 1992. Peranan Agama dalam Pendidikan. Dlm. Syed Muhammad al-Naquib al-Attas. 1992. *Tujuan dan Objektif Pendidikan Islam*. (Terj.) Samsudin Jaapar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yin, Robert K. 2009. *Case Study Research : Design and Methods* (4th Ed.). London: Sage Publications.

**PENGUNAAN BILIK OPERASI PENDIDIKAN ISLAM  
DI SEKOLAH MENENGAH**

**(No. Vote: QJ130000.2833.00L08)**

**Tempoh Penyelidikan:**

01/09/2011 – 30/09/2013

**Ketua Penyelidik**

Kamarul Azmi bin Jasmi

**Penyelidik Bersama**

Azhar bin Muhammad

Bushrah binti Basiron

Mohd Ismail bin Mustari

Norzubaidha binti Ismail

Syahida Fadilla binti Moktar

Zalina binti Pareng

Masnizah binti Osman

**Pembantu Penyelidik**

Muhamad Faiz Bin Ismail



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UNIVERSITI PENYELIDIKAN

RESEARCH MANAGEMENT CENTRE (RMC)

UTM/RMC/F/0184

## RESEARCH UNIVERSITY GRANT CLOSING REPORT FORM

### A. PROJECT DETAILS

Category of Grant :  Tier 1  Tier 2  FLAGSHIP  IE  
*(Please tick ✓)*

Vote Number : Q.J130000.2833.00L08

Project Title : MODEL PENGGUNAAN BILIK OPERASI PENDIDIKAN  
ISLAM YANG EFEKTIF DI SEKOLAH MENENGAH.

Faculty : FAKULTI TAMADUN ISLAM

Research Alliance (RA) : K-EKONOMI

Name of Project Leader : DR. KAMARUL AZMI JASMI

Name of Project Members : P.M. DR. AZHAR BIN MUHAMMAD, DR. BUSHRAH BINTI BASI RON,  
P.M. DR. MOHD ISMAIL BIN M US TAR I, PUAN NORZUBAIDHA  
BINTI ISMAIL, PUAN SYAHIDA FADILLA BINTI MOKTAR,  
ZALINA BINTI PARENG

Original Project Start : 01/09/2011

Original Project End : 31/08/2012

Revision Project End : 31/01/2013

Original Project Duration : 12 (months)

Revision Project Duration : 1 (months)

Project Leader Position :

### B. FINANCIAL PROGRESS

i. Total Allocation Approved : RM

ii. Total Expenditure To Date : RM  or  % *(Total Expenditure/Total Allocation Approved x 100)*

iii. Balance of Allocation To Date : RM  *(Total Allocation Approved - Total Expenditure)*

### C. RESEARCH OUTPUT *(Please provide detail listing in Project Profile number 6 )*

Research Output	Indexed Journal	CIF	Non Indexed Journal
Number of Articles			1 pada 2011 & 1 pada 2012
Number of Conference Papers	International		National
	3 pada 2012		
Other Publications - books / standards etc. <i>(Please specify)</i>			
Intellectual Property Rights <i>(Please specify)</i>			

**D. HUMAN CAPITAL DEVELOPMENT** (Please provide detail listing in Project Profile number 7)

Human Capital Development	Number			
	On-Going		Graduated	
	Malaysian	Non Malaysian	Malaysian	Non Malaysian
PhD Student				
MSc Student				
Undergraduate				
Research Officer (RO)				
Assisstant Research Officer (ARO)				
Research Assisstant (RA)				

**E. AWARDS / ACHIEVEMENT** (Please provide detail listing in Project Profile number 8)

Recognition	Number	
	National	International
Awards		
Others Achievement		

**F. PROBLEMS / CONSTRAINTS** (if any)

---



---



---



---

**G. GENERAL COMMENT** (Please provide additional information, if any, on the future direction of this project in terms of its prospects to commercialization)

Penyelidikan berjalan dengan baik

---



---



---



---

Date : 31.1.2013

Project Leader's Signature :



## KANDUNGAN

<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	<b>1</b>
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Pernyataan Masalah	3
1.4 Objektif Kajian	5
1.5 Soalan Kajian	5
1.6 Kepentingan Kajian	6
1.7 Batasan Kajian	7
1.8 Definisi Operasional	8
1.9 Penutup	9
<b>BAB 2 TINJAUAN KEPUSTAKAAN</b>	<b>11</b>
2.1 Pendahuluan	11
2.2 Pendidikan dalam Islam	11
2.2.1 Definisi Pendidikan Islam	13
2.2.2 Matlamat Pendidikan Islam	15
2.3 Pendidikan Islam di Malaysia	17
2.4 Bilik Operasi Pendidikan Islam	20
2.5 Pembelajaran Berasaskan Pengalaman	23
2.6 Sorotan Kajian Lepas	25
2.7 Penutup	28
<b>BAB 3 METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>29</b>
3.1 Pendahuluan	29
3.2 Reka Bentuk Kajian	30
3.3 Sampel Kajian	32
3.4 Lokasi Kajian	32
3.5 Prosedur Pengumpulan Data	33
3.5.1 Prosedur Temubual	33
3.5.2 Prosedur Pemerhatian	34
3.5.3 Prosedur Analisis Dokumen	34
3.6 Prosedur Penganalisisan Data	36

3.7	Kesahan dan Kebolehpercayaan	36
3.7.1	Triangulasi Data	36
3.7.2	Nota Lapangan dan Diari	37
3.7.3	Pengesahan Responden terhadap Data Temu bual	37
3.8	Penutup	38
<b>BAB 4 ANALISIS DAPATAN KAJIAN</b>		<b>39</b>
4.1	Pendahuluan	39
4.2	Dapatan Kajian	39
4.2.1	Pengajaran dan Pembelajaran di dalam Bilik Operasi Pendidikan Islam	39
4.2.2	Ciri Bilik Operasi Pendidikan Islam yang Efektif untuk P&P	44
4.2.3	Faktor Penggunaan Bilik Operasi Pendidikan Islam	45
4.3	Penutup	48
<b>BAB 5 PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN</b>		<b>49</b>
5.1	Pendahuluan	49
5.2	Perbincangan	49
5.3	Implikasi	52
5.3.1	Kementerian Pelajaran Malaysia	52
5.3.2	Guru Pendidikan Islam	52
5.4	Cadangan	53
5.4.1	Cadangan Umum	53
5.4.2	Cadangan Kajian Lanjutan	54
5.5	Penutup	54
<b>RUJUKAN</b>		<b>55</b>



## TRANSLITERASI

Ejaan kalimah Arab dalam buku ini dibuat berdasarkan sistem transliterasi seperti yang berikut:

Huruf Arab	Transliterasi	Huruf Arab	Transliterasi
ا	a/'a	ض	d
ب	b	ط	t
ت	t	ظ	z
ث	th	ع	‘
ج	j	غ	gh
ح	h	ف	f
خ	kh	ق	q
د	d	ك	k
ذ	dh	ل	l
ر	r	م	m
ز	z	ن	n
س	s	و	w/u
ش	sh	ه	h
ص	s	ي	y

Manakala bagi huruf panjang dalam ejaan Arab pula dengan penggunaan transliterasi yang berikut:

Huruf Arab	Transliterasi
ا	a
و	i
ي	u

**SINGKATAN**

<i>et. al.</i>	<i>and others</i>
BPI	Bahagian Pendidikan Islam
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KBSR	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
M	Masihi
P&P	pengajaran dan pembelajaran
PAFA	Perkara Asas Fardu Ain
PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
s.a.w.	<i>sallallahu alaihi wa sallam</i>
S.W.T.	<i>Subhanahu wa Ta'ala</i>
SABK	sekolah agama bantuan kerajaan
SBP	sekolah berasrama penuh
SMA	sekolah menengah agama
SMK	sekolah menengah kebangsaan
SMKA	sekolah menengah kebangsaan agama
SMT	sekolah menengah teknik

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 PENDAHULUAN**

Pendidikan Islam merupakan bidang yang sangat penting dalam membangunkan individu muslim demi mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Sejarah perkembangan awal Islam pada zaman Rasulullah s.a.w. telah memperlihatkan kebijaksanaan baginda memanfaatkan potensi masjid bagi menyatukan elemen teori dan amali dalam pendidikan Islam pada zaman tersebut. Pembinaan masjid sebagai institusi pertarbiahan umat Islam telah berjaya membangunkan peradaban Islam yang gemilang (Mohd Mokhtar, 2003; Bani Hidayat *et. al.* 2010; Jasmi, 2011). Secara umumnya, bab ini akan membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi operasional.

#### **1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN**

Pendidikan Islam di Malaysia bermula sebelum abad kedua puluh dan dipercayai berkembang bersama-sama penyebaran agama Islam di negeri-negeri Semenanjung Tanah Melayu dan di kepulauan Melayu pada abad ke-14 Masihi. Perluasan empayar kesultanan Melayu Melaka, Riau dan Brunei pada abad ke-15 Masihi turut membantu mengembangkan aktiviti pendidikan Islam sehingga ke negeri-negeri di Pantai Timur khususnya Kelantan dan Terengganu pada abad ke-16 Masihi dan ke negeri-negeri utara Tanah Melayu pada abad ke-19 Masihi (Abdullah, 1995).

Pada umumnya, struktur pendidikan Islam atau pengajian Islam di Nusantara pada ketika itu (sebelum 1824 M) bersifat menyeluruh merangkumi peringkat rendah, menengah dan tinggi yang dijalankan di rumah, masjid atau surau, dan istana (Abdullah, 1995). Namun, peringkat pengajian tersebut tidak begitu ketara kerana dilaksanakan secara tidak formal. Corak pendidikan pada masa itu ialah pengajian al-Quran, akhlak dan pengetahuan asas kerohanian termasuk seni mempertahankan diri (Shahril Marzuki *et. al.* 1995; Abdullah Sani, 2003).

Pada tahun 1974, suatu Jawatankuasa Kabinet telah ditubuhkan bagi mengkaji pelaksanaan Dasar Pendidikan Kebangsaan. Jawatankuasa ini mengkaji secara mendalam khususnya mengenai matlamat dan kesan sistem pelajaran yang dilaksanakan merangkumi sistem persekolahan dan kurikulum. Usaha ini bertujuan untuk memastikan sistem yang dilaksanakan dapat mencapai matlamat negara ke arah melahirkan masyarakat yang bersatu padu, berdisiplin, dan terlatih. Laporan Jawatankuasa Kabinet kemudiannya diterbitkan pada tahun 1979 dan telah memberikan impak yang besar apabila kerajaan bersetuju untuk melaksanakan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) (Abdullah Sani, 2003).

Pendidikan Islam di Malaysia terus berkembang sehingga inisiatif diambil untuk membina surau di institusi pendidikan termasuk sekolah. Hal ini demikian bagi memudahkan para pelajar Islam menunaikan ibadah solat ketika waktu persekolahan di samping wujudnya keperluan untuk melaksanakan aktiviti amali pendidikan Islam. Namun, fungsi surau di sekolah tidak terhad sebagai pusat ibadah semata-mata malah dianggap sebagai 'Makmal Pendidikan Rohani' yang meliputi sebarang kegiatan berbentuk pendidikan khususnya pengajaran teori dan amali pendidikan Islam. Peruntukan satu waktu amali dan dua waktu tambahan dalam Pendidikan Islam KBSM seharusnya dimanfaatkan sepenuhnya untuk meningkatkan penghayatan dan pengamalan Islam pelajar di dalam surau sekolah (Jasmi *et. al.* 2010; Jasmi, 2011; Ab. Halim *et. al.* 2012).

### 1.3 PERNYATAAN MASALAH

Keberkesanan institusi masjid pada zaman Rasulullah s.a.w. dalam menjayakan agenda pendidikan Islam harus diteladani dan diimplementasikan dalam sistem pendidikan hari ini melalui penekanan aspek praktikal dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Tambahan pula, Pendidikan Islam mempunyai peruntukan satu waktu amali solat serta dua waktu tambahan bagi peringkat menengah rendah dan satu waktu amali bagi peringkat menengah atas yang seharusnya digunakan dengan sebaiknya untuk mengukuhkan penghayatan Islam pelajar (Ab. Halim *et. al.* 2003).

Selain bilik darjah, surau merupakan bilik operasi Pendidikan Islam yang juga dirujuk sebagai Makmal Pendidikan Rohani (Jasmi, 2011; Ab. Halim *et. al.* 2003) dan Makmal Pendidikan Islam (Leenoh, 2009). Selain itu, bilik operasi Pendidikan Islam juga dikenali dengan nama Bilik Khas Pendidikan Islam (Samsudin, 2011) dan Bilik Pengajaran Mata Pelajaran Pendidikan Islam (Prestariang Technology, 2004). Walau bagaimanapun, surau dilihat menjadi bilik operasi utama dan sering digunakan dalam P&P Pendidikan Islam di sekolah menengah.

Kajian Ab. Halim *et. al.* (2003) mendapati bahawa seramai 95% pelajar bersetuju bahawa surau sekolah telah memberikan kesan yang positif terhadap amal ibadah mereka. Selain itu, 68.4% pelajar bersetuju bahawa surau telah membantu aktiviti pembelajaran mereka. Surau sekolah yang tidak digunakan secara optimum untuk pelaksanaan P&P Pendidikan Islam juga telah menyebabkan tanggapan yang negatif dalam kalangan pelajar (Ab. Halim *et. al.*, 2004). Dapatan kedua-dua kajian tersebut menunjukkan bahawa surau sekolah mempunyai pengaruh yang besar dan mampu menyumbang kepada pembelajaran pelajar. Persoalannya, adakah bilik operasi Pendidikan Islam telah digunakan secara optimum bagi melaksanakan P&P Pendidikan Islam khususnya yang bersifat praktikal?

Kajian Jasmi (2011) pula mendedahkan bahawa tahap penggunaan surau dari aspek pendidikan berada pada tahap sederhana rendah. Para guru didapati tidak menggunakan surau sekolah secara optimum walaupun prasarana P&P yang terdapat

di dalam surau sekolah berada pada tahap sederhana tinggi. Beliau mendapati hanya 15.5% pelajar bersetuju bahawa surau sekolah kerap digunakan sebagai pusat pendidikan. Dapatan ini adalah jauh lebih rendah berbanding kajian yang diperolehi oleh Ab. Halim *et. al.* (2003) yang mendapati bahawa 50.1% pelajar bersetuju bahawa surau sekolah telah digunakan sepenuhnya untuk pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Hal ini jelas menimbulkan persoalan, apakah faktor yang mempengaruhi penggunaan surau dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam?

Persepsi sesetengah pihak yang beranggapan bahawa surau sekolah berfungsi sebagai pusat ibadah semata-mata harus diperbetulkan dan hal ini ditekankan oleh Jasmi (2011). Beliau berpendapat bahawa surau mempunyai peranan yang lebih luas merangkumi aspek ibadah dan pendidikan. Penggunaan surau tidak sewajarnya terhad terhadap aktiviti ibadah dan program keagamaan tertentu sahaja, bahkan harus meliputi proses pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam. Warga sekolah khususnya guru pendidikan Islam harus menyedari hakikat ini agar surau sekolah dapat digunakan secara optimum sebagai pusat pertarbiahan pelajar Islam.

Oleh itu, bilik operasi Pendidikan Islam wajar dimanfaatkan dengan sebaiknya bagi menyatukan elemen teori dan amali agar ianya mampu memberikan kesan terhadap pembelajaran pelajar. Kajian Airi (2003) mendapati bahawa para pelajar berasa bosan mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan di dalam bilik darjah sehingga menyebabkan mereka kurang berminat untuk mempelajari mata pelajaran Pendidikan Islam. Faktor persekitaran tempat belajar yang hanya tertumpu di dalam bilik darjah boleh menjejaskan minat pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam. Oleh itu, isu ini wajar diberikan perhatian serius kerana kehilangan rasa minat untuk memahami Islam bakal membantutkan usaha melahirkan pelajar muslim yang bertakwa.

Berdasarkan analisis terhadap kajian berkaitan bilik operasi Pendidikan Islam yang dijalankan (Ab. Halim *et. al.* 2003; Rosli, 2010; Jasmi, 2011), pengkaji mendapati bahawa kajian mengenai bilik operasi Pendidikan Islam banyak tertumpu kepada surau bagi meneliti penggunaan dan fungsinya di sekolah. Kajian-kajian

tersebut juga menggunakan metode yang sama, iaitu metode kuantitatif. Hal ini membuktikan bahawa masih kurang kajian mendalam dan terperinci dilakukan untuk memahami realiti penggunaan bilik operasi Pendidikan Islam. Oleh itu, pengkaji berhasrat untuk menjalankan kajian terperinci bagi melihat penggunaan bilik operasi Pendidikan Islam di Sekolah Menengah dengan menggunakan pendekatan kualitatif.

#### **1.4 OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini ingin mencapai objektif seperti berikut:

1. Mengkaji proses P&P di dalam bilik operasi Pendidikan Islam di Sekolah Menengah.
2. Mengenalpasti ciri bilik operasi yang efektif untuk pelaksanaan P&P Pendidikan Islam di Sekolah Menengah.
3. Meneroka faktor yang mempengaruhi penggunaan bilik operasi untuk pelaksanaan P&P Pendidikan Islam di Sekolah Menengah.

#### **1.5 SOALAN KAJIAN**

Soalan kajian yang berbangkit dalam kajian ini ialah:

1. Bagaimana proses P&P di dalam bilik operasi Pendidikan Islam di Sekolah Menengah?
2. Apakah ciri bilik operasi yang efektif untuk pelaksanaan P&P Pendidikan Islam di Sekolah Menengah?
3. Apakah faktor yang mempengaruhi penggunaan bilik operasi untuk pelaksanaan P&P Pendidikan Islam di Sekolah Menengah?

## 1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kemudahan bilik operasi Pendidikan Islam seperti surau sekolah sememangnya disediakan untuk tujuan ibadah dan aktiviti keagamaan di sekolah di Malaysia. Walau bagaimanapun, fungsi surau tidak seharusnya terhad kepada kegiatan tersebut kerana proses P&P Pendidikan Islam turut melibatkan aspek praktikal. Oleh yang demikian, proses P&P Pendidikan Islam juga harus dilaksanakan di dalam surau dan bilik operasi yang lain agar penggunaannya dapat dioptimumkan seterusnya mampu meningkatkan kefahaman pelajar. Walaupun kajian sebelum ini (Ab. Halim *et. al.* 2003; Rosli, 2010; Jasmi 2011) memfokuskan kepada fungsi dan penggunaan surau tetapi kajian tersebut dijalankan secara kuantitatif. Oleh itu, pengkaji mengambil pendekatan yang berbeza kerana proses penggunaan bilik operasi Pendidikan Islam sewajarnya dikaji secara mendalam berdasarkan konteks sebenar yang berlaku dalam sistem persekolahan. Antara kepentingan kajian ini dijalankan ialah:

1. Guru Pendidikan Islam akan dapat membuat refleksi dan memahami amalan penggunaan bilik operasi dalam P&P Pendidikan Islam di beberapa buah sekolah yang terpilih. Hasil daripada kajian ini dapat membantu mereka merangka strategi pengajaran yang lebih berkesan bagi meningkatkan kualiti P&P di dalam bilik operasi Pendidikan Islam.
2. Kajian ini juga dapat membantu pihak sekolah dalam merancang mekanisme yang sesuai bagi meningkatkan penggunaan bilik operasi Pendidikan Islam dalam kalangan guru bagi melaksanakan P&P. Hal ini melibatkan prasarana dan kemudahan yang disediakan di dalam bilik operasi Pendidikan Islam di samping aspek penyelarasan jadual Pendidikan Islam dengan mata pelajaran moral dan sebagainya.
3. Membantu pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan juga Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) untuk mengkaji semula polisi dan dasar berkaitan bilik operasi Pendidikan Islam agar bilik ini dapat digunakan secara efektif seterusnya memberi penekanan terhadap aspek praktikal dalam proses P&P Pendidikan Islam.



4. Membantu pihak Bahagian Pendidikan Islam (BPI), Kementerian Pelajaran Malaysia untuk menilai dan mengemas kini elemen praktikaliti dalam kurikulum Pendidikan Islam agar penggunaan bilik operasi Pendidikan Islam mampu dioptimumkan.
5. Kajian ini meneroka secara mendalam mengenai ciri bilik operasi Pendidikan Islam yang efektif bagi pelaksanaan P&P Pendidikan Islam seterusnya mengemukakan garis panduan yang boleh dijadikan rujukan oleh pentadbir sekolah untuk meningkatkan kualiti bilik operasi Pendidikan Islam di sekolah masing-masing dengan kerjasama Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG).

Secara ringkas, kajian ini diharapkan mampu meningkatkan kefahaman mengenai potensi bilik operasi Pendidikan Islam dalam meningkatkan penghayatan Pendidikan Islam. Selain itu, inovasi penggunaan bilik operasi Pendidikan Islam juga wajar diusahakan agar bilik operasi Pendidikan Islam mampu menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan insan pelajar yang kamil.

## **1.7 BATASAN KAJIAN**

Kajian ini mengambil kira dan mempertimbangkan beberapa batasan bagi memastikan kajian ini mempunyai tujuan dan fokus yang jelas. Antara batasan kajian yang dimaksudkan ialah:

1. Kajian ini meneliti amalan pengajaran guru Pendidikan Islam yang melaksanakan P&P Pendidikan Islam untuk tahap menengah rendah, iaitu tingkatan satu hingga tingkatan tiga di dalam bilik operasi Pendidikan Islam. Oleh itu, guru Pendidikan Islam yang mengajar tahap menengah atas tidak termasuk dalam kajian ini.
2. Kajian ini hanya dijalankan di dalam bilik operasi Pendidikan Islam yang terdapat di sekolah menengah kebangsaan (SMK) yang terletak di daerah Johor Bahru, Johor. Oleh itu, sekolah rendah, sekolah berasrama penuh (SBP), sekolah

menengah teknik (SMT), sekolah menengah kebangsaan agama (SMKA), sekolah menengah agama (SMA), dan sekolah agama bantuan kerajaan (SABK) tidak termasuk dalam kajian ini.

3. Kajian juga hanya dijalankan di SMK di daerah Johor Bahru, Johor dengan menggunakan pemilihan secara persampelan bertujuan. Oleh itu, hasil kajian tidak boleh digeneralisasikan ke sekolah lain yang tidak mempunyai ciri yang sama seperti dalam kajian ini.
4. Kajian ini hanya dijalankan di sekolah menengah kebangsaan yang mempunyai kemudahan bilik operasi seperti surau, bilik pendidikan Islam, dan sebagainya, serta digunakan untuk melaksanakan P&P Pendidikan Islam.

Berdasarkan batasan kajian yang dikemukakan, dapatlah difahami bahawa kajian ini dijalankan ke atas guru Pendidikan Islam yang melaksanakan P&P di dalam bilik operasi Pendidikan Islam untuk tahap menengah rendah di sekolah SMK sekitar daerah Johor Bahru, Johor.

## **1.8 DEFINISI OPERASIONAL**

Kajian ini dijalankan berdasarkan kepada definisi operasional, iaitu surau sekolah, pengajaran dan pembelajaran (P&P), dan Pendidikan Islam.

### **1.8.1 Bilik Operasi**

Bilik operasi Pendidikan Islam merujuk kepada bilik atau ruangan yang digunakan untuk sebarang aktiviti keagamaan dan P&P Pendidikan Islam. Surau merupakan bilik operasi Pendidikan Islam yang utama dan turut dikenali sebagai Makmal Pendidikan Rohani (Jasmi, 2011; Ab. Halim *et. al.* 2003) dan Makmal Pendidikan Islam (Leenoh, 2009). Selain itu, bilik operasi Pendidikan Islam juga dikenali dengan nama Bilik

Khas Pendidikan Islam (Samsudin, 2011) dan Bilik Pengajaran Mata Pelajaran Pendidikan Islam (Prestariang Technology, 2004).

### **1.8.2 Pendidikan Islam**

Menurut *Encyclopedia of Islam* (Campo, 2009) dan *The Oxford Encyclopedia of the Modern World* (Esposito, 1995), pendidikan Islam membawa maksud suatu proses pembentukan individu bersandarkan Islam. Al-Abrasyi (1976) mendefinisikan pendidikan Islam sebagai proses mempersiapkan manusia supaya hidup dengan sempurna dan bahagia, mencintai tanah air, tegap jasmaninya, sempurna akhlaknya, teratur pemikirannya, halus perasaannya, mahir dalam pekerjaannya, dan baik tutur katanya. Manakala Kamarul Azmi dan Ab. Halim (2007) pula menyatakan bahawa pendidikan Islam merujuk kepada pendidikan rohaniah manusia selaku hamba Allah S.W.T. bagi memancarkan kejernihan akhlak dan budi pekerti yang tinggi selain memperkembangkan ilmu pengetahuan sebagai alat untuk memakmurkan insan atas muka bumi.

Pendidikan Islam dalam kajian ini merujuk kepada mata pelajaran Pendidikan Islam berdasarkan KBSM yang wajib diambil oleh semua pelajar Islam di Malaysia. Semua kegiatan Pendidikan Islam seperti penilaian Perkara Asas Fardu Ain (PAFA), ujian tilawah dan sebagainya turut termasuk dalam kajian ini. Oleh yang demikian, pendidikan Islam dalam kajian ini tidak menggunakan maksud yang lebih luas mencakupi pendidikan dalam pelbagai bidang seperti yang diutarakan oleh Amjad Mahmud *et. al.* (2011).

## **1.9 PENUTUP**

Bab ini telah membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah dan beberapa aspek penting berhubung kajian penggunaan bilik operasi Pendidikan Islam di sekolah menengah sekitar negeri Johor. Fokus kajian juga dapat difahami melalui bab ini dan diharapkan agar kajian ini mampu memberikan impak ke arah memperkasakan peranan bilik operasi dalam sistem pendidikan di Malaysia.

## BAB 2

### TINJAUAN KEPUSTAKAAN

#### 2.1 PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan tentang aspek yang berkaitan dengan sistem pendidikan Islam. Perbincangan merangkumi aspek definisi dan matlamat pendidikan Islam. Selain itu, pengkaji mengupas tentang Pendidikan Islam di Malaysia, bilik operasi Pendidikan Islam dan pembelajaran berasaskan pengalaman. Analisis terhadap kajian-kajian lepas juga dilakukan untuk mengenalpasti ruang yang boleh ditampung oleh kajian ini.

#### 2.2 PENDIDIKAN DALAM ISLAM

Secara umum, pendidikan dapat difahami sebagai suatu proses untuk membentuk keperibadian manusia seterusnya menghasilkan generasi manusia Rabbani, iaitu generasi yang beriman, berilmu, beramal, dan ikhlas dalam segala tindakan semata-mata mengharapkan redha Allah. Firman Allah S.W.T.:

مَا كَانَ لِإِبْرَاهِيمَ أَنْ يُؤْتِيَهُ اللَّهُ الْكِتَابَ وَالْحُكْمَ وَالنُّبُوَّةَ ثُمَّ يَقُولَ لِلنَّاسِ كُونُوا  
عِبَادًا لِي مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلَكِنْ كُونُوا رَبَّيْنَ بِمَا كُنْتُمْ تُعَلِّمُونَ الْكِتَابَ وَبِمَا كُنْتُمْ

تَدْرُسُونَ ﴿٧٩﴾

Maksud: *Tidaklah patut bagi seseorang manusia yang Allah berikan kepadanya kitab agama dan hikmat serta pangkat Nabi, kemudian ia tergamak mengatakan kepada orang ramai: "Hendaklah kamu menjadi orang yang menyembahku dengan meninggalkan perbuatan menyembah Allah". Tetapi (sepertutnya ia berkata): "Hendaklah kamu menjadi*

*orang-orang Rabbaniyin (yang hanya menyembah Allah S.W.T. dengan ilmu dan amal yang sempurna), kerana kamu sentiasa mengajarkan isi Kitab Allah itu, dan kerana kamu selalu mempelajarinya.”*

(Surah Ali ‘Imran, 3:79)

*Matlamat pendidikan dalam pembangunan manusia hanya boleh diketahui melalui pengetahuan dan pemahaman terhadap al-Quran. Ilmu dan amal yang membezakan sama ada seseorang manusia itu beriman atau sebaliknya. Firman Allah S.W.T.:*

أَمَّنْ هُوَ قَنْتٌ ءَأَنَاءَ اللَّيْلِ سَاجِدًا وَقَائِمًا يَحْذَرُ الْآخِرَةَ وَيَرْجُوا رَحْمَةَ رَبِّهِ قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابِ ﴿٩﴾

*Maksud: Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?" Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang-orang yang berakal sempurna.*

(Surah al-Dhumar, 39:9)

Selain itu, Allah S.W.T. berfirman dalam ayat yang lain:

وَتِلْكَ الْأَمْثَلُ نَضْرِبُهَا لِلنَّاسِ وَمَا يَعْقِلُهَا إِلَّا الْعَالِمُونَ ﴿٤٣﴾

*Maksud: Dan misal-misal perbandingan yang demikian itu Kami kemukakan kepada umat manusia, dan hanya orang-orang yang berilmu yang dapat memahaminya.*

(Surah al-‘Ankabut, 29: 43)

Ayat tersebut disokong lagi dengan firman-Nya:

وَمِنَ النَّاسِ وَالذَّوَابِّ وَالْأَنْعَامِ مُخْتَلِفٌ أَلْوَنُهُ، كَذَلِكَ إِنَّمَا يَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ إِنَّكَ اللَّهُ عَزِيزٌ غَفُورٌ ﴿٢٨﴾

*Maksud: Dan demikian pula antara manusia dan binatang-binatang yang melata serta binatang-binatang ternak, ada yang berlainan jenis dan warnanya? sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut (melanggar*

*perintah) Allah dari kalangan hamba-hamba-Nya hanyalah orang-orang yang berilmu. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Pengampun.*

(Surah Fatir, 35:28)

Ilmu pengetahuan adalah ilmu yang mampu meninggikan martabat manusia serta memberi input yang berkesan untuk membina kekuatan jiwa manusia. Kekuatan jiwa berupaya mengawal keinginan hawa nafsu dan menghampirkan diri manusia kepada Allah swt. Ilmu pengetahuan bukan sahaja menduduki hierarki terpenting dalam pembangunan manusia dan pembinaan masyarakat secara keseluruhannya malah menjadi pendorong kepada manusia untuk melaksanakan tugas sebagai khalifah di muka bumi Allah (al-Syaibani, 1975; Hassan Langgulung, 1987).

### 2.2.1 Definisi Pendidikan Islam

Dalam Bahasa Arab, terdapat beberapa istilah yang sering digunakan bagi menyatakan maksud pendidikan, iaitu *ta'lim* (تعليم), *tarbiyah* (تربية) dan *ta'dib* (تأديب) (Amjad Hussain, 2004; Amjad Mahmud *et. al.* 2011). *Ta'lim* membawa maksud yang agak sempit kerana lebih menumpukan kepada pengajaran (Hasan Langgulung, 1981). *Tarbiyah* pula agak luas maksudnya dan istilah inilah yang digunakan oleh kebanyakan tokoh Pendidikan Islam (al-Nahlawy, 1979; al-Abrasyi, 1976; al-Syaibani, 1975). Akar katanya ialah kalimah *rabba* (رَبَّ) atau (رَبًّا) yang membawa makna menjaga, mengasuh dan memberi makan (al-Attas, 1979). Kalimah *tarbiyah* juga berasal daripada kalimah (رَبِّي، يَرْبِي) yang bererti mendidik dan mengembang (al-Nahlawy, 1979). Kalimah *rabba* ini disebut oleh al-Quran dalam surah al-Isra' dengan makna mendidik dan ayat tersebut merupakan doa yang diajarkan oleh Allah S.W.T. kepada manusia supaya mendoakan kedua ibu bapa mereka. Firman-Nya:

وَقُلْ رَبِّ ارْحَمْهُمَا كَمَا رَبَّيَانِي صَغِيرًا ﴿٢٤﴾

Maksud: *Dan katalah (doakanlah untuk ibu bapa) "Wahai Tuhanku, cucurilah rahmat ke atas mereka berdua (ibu bapa) sebagaimana mereka mencurahkan kasih sayang mereka memelihara dan mendidiku semasa kecil."*

(Surah *al-Isra'*, 17:23-24)

Jika dilihat secara umum, perkataan pendidikan sememangnya mempunyai maksud yang sama dengan perkataan *tarbiyah* dalam Bahasa Arab. Walau bagaimanapun, al-Attas (1979) tidak bersetuju perkataan pendidikan atau *education* itu diterjemahkan dengan perkataan *al-tarbiyah*. Menurut beliau, *tarbiyah* atau *rabba* itu sangat umum meliputi haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Beliau mencadangkan perkataan *ta'dib* dipilih bagi menterjemahkan perkataan pendidikan. Hal ini demikian kerana perkataan *ta'dib* lebih tepat bagi menerangkan konsep pendidikan kerana *ta'dib* mempunyai hubungan yang jelas dan rapat antara pengetahuan dan adab. Perkataan *ta'dib* itu sendiri bermaksud mengajar adab atau akhlak.

*Ta'dib* menggambarkan konsep pendidikan dalam Islam kerana istilah adab merangkumi maksud ilmu dan amal sekaligus serta akhlak sebagai tujuan pengetahuan. Kalimah ini melibatkan tindakan untuk mendisiplinkan jiwa dan pemikiran daripada melakukan sebarang bentuk penyelewengan yang boleh membawa kepada kehilangan kehormatan (al-Attas, 1980). Walaupun perkataan *ta'dib* kelihatan seperti perlakuan zahir, namun perlakuan itu lahir kerana wujudnya terapan nilai dalam hati manusia. Oleh itu, beliau mendefinisikan pendidikan menurut Islam sebagai satu proses penitisan atau penanaman sesuatu ke dalam diri manusia (al-Attas, 1979).

Pengertian pendidikan dalam Islam sangat luas dan bersepadu, merangkumi seluruh cara hidup manusia. Kurikulumnya datang daripada Allah dan mengandungi pelbagai aspek seperti akidah, syariah, ibadah, akhlak, sains, teknologi, sosiologi, politik, ekonomi dan sebagainya. Pendidikan Islam merangkumi kehidupan di dunia dan di akhirat dalam satu disiplin yang lengkap (Syed Muhammad Qutb, 1992). Dalam Islam, pendidikan tidak terhad kepada pendidikan formal sahaja, bahkan merangkumi semua urusan manusia. Hal ini demikian kerana, pendidikan dalam Islam bukan melibatkan latihan fizikal sahaja, tetapi merangkumi aspek spiritual dan intelek (al-Abrasyi, 1976). Pendidikan Islam menurut El-Muhammady (1991) pula menekankan beberapa konsep, iaitu pendidikan seumur hidup, pembangunan seluruh potensi manusia secara padu, menyampaikan dua fungsi, iaitu sebagai hamba Allah dan khalifah Allah serta memakmurkan seluruh alam atas dasar kesepaduan dan kesempurnaan iman yang merangkumi ilmu serta amal soleh demi kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

Walau bagaimanapun, pendidikan Islam sering dianggap sebagai pendidikan agama atau mata pelajaran agama. Hal ini disanggah oleh Esposito (1995) yang berpendapat bahawa pendidikan Islam merupakan suatu proses untuk membentuk seseorang individu berdasarkan tasawur atau pandangan alam Islam. Oleh itu, pendidikan Islam tidak seharusnya dilihat sebagai subjek agama seperti pengajian al-Quran dan hadis semata-mata, malah meliputi pengajian sains dan sastera. Beliau berpendapat bahawa sekiranya pendidikan Islam dianggap sebagai subjek agama, maka pendidikan Islam hanya sebahagian kecil daripada komponen Pendidikan Islam. Pandangan ini mempunyai perbezaan yang ketara dengan al-Nahlawy (1979) yang secara jelas menyatakan bahawa pendidikan Islam merujuk kepada kurikulum pendidikan agama di sekolah seperti al-Quran, Tauhid, Hadis, Fiqh dan Sirah. Oleh itu, pendidikan Islam dilihat begitu sempit dan hanya terhad kepada persoalan agama dan moral. Hal ini merupakan antara punca yang menyebabkan subjek atau mata pelajaran yang lain dianggap tidak mempunyai kaitan dengan Islam, sedangkan maksud pendidikan Islam itu merangkumi semua bidang ilmu (Amjad Mahmud *et. al.* 2011).

Berdasarkan definisi-definisi yang dibincangkan, dapatlah disimpulkan bahawa pendidikan yang dikehendaki oleh Islam merujuk kepada pendidikan menyeluruh manusia bagi memancarkan kejernihan akhlak dan budi pekerti yang tinggi dan ulung seterusnya berupaya mentadbir bumi mengikut aturan Allah swt. Kesempurnaan seseorang insan bukan sahaja merujuk kepada aspek rohani, jasmani, intelek, dan emosi sahaja, tetapi juga meliputi aspek penghayatan terhadap Islam serta amanah sebagai hamba dan khalifah Allah untuk melaksanakan amanah Allah S.W.T. di atas muka bumi ini.

### **2.2.2 Matlamat Pendidikan Islam**

Islam sebagai agama yang syumul meletakkan matlamat pendidikan seperti yang dijelaskan dalam al-Quran dan al-sunnah, iaitu membimbing seseorang muslim atau masyarakat Islam untuk merealisasikan akidah, ibadah dan akhlak untuk mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat. Oleh itu, seseorang individu muslim mesti melalui proses pendidikan yang berterusan, bermula ketika dilahirkan dan berakhir ketika mati untuk mencapai tahap pembangunan yang menyeluruh.



Menurut Abu al-‘Ainain (1988), tujuan pendidikan dalam Islam ialah melahirkan muslim yang mampu melaksanakan tugasnya sebagai hamba untuk beribadah kepada Allah S.W.T. (al-Dhariyat, 51:56) dan menjadi khalifah yang mentadbir alam (al-Baqarah, 1:30). Dalam kata lain, pendidikan Islam memainkan peranan yang sangat penting bagi melahirkan *insan abid*. Secara ringkas, pendidikan Islam bertujuan untuk membentuk keperibadian muslim yang bersandarkan ajaran Islam (Zakiah, 1996).

El-Muhammady (1991) pula menyatakan bahawa Islam tidak meletakkan matlamat pendidikan manusia untuk negara tetapi manusia untuk Allah. Oleh itu, pendidikan Islam mempunyai matlamat untuk melahirkan insan yang baik atau insan yang sempurna, iaitu insan yang mencakupi kualiti kemanusiaan yang sebenar dan mencapai darjat takwa selari dengan firman Allah S.W.T.:

يَتَأْتِيهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ  
عِنْدَ اللَّهِ أَفْقَرُكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Maksud: *Hai manusia, Sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa - bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu disisi Allah ialah orang yang paling taqwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha mengetahui lagi Maha Mengenal.*

(Surah al-Hujurat, 49:13)

Menurut al-Attas (1979), matlamat utama pendidikan adalah memimpin manusia untuk mengenali dan mengakui Penciptanya melalui ketaatan dan kepatuhan terhadap perintah-Nya. Dengan kata lain, pendidikan dalam Islam bermatlamat untuk menghasilkan insan yang baik, dengan mengembangkan semua potensinya yang sesuai, memastikan diri menjadi hamba dan khalifah Allah S.W.T. yang melaksanakan amanah memakmurkan bumi. Pendidikan juga bertujuan menghasilkan hamba yang bertaqwa dan takut kepada Allah swt, iaitu hamba yang menjalinkan hubungannya dengan Allah S.W.T. dan hubungan sesama manusia. Oleh itu, pada dasarnya matlamat pendidikan meliputi aspek spiritual, moral, sosial, intelektual, dan fizikal.

Matlamat pendidikan dalam Islam juga membawa maksud sebagai ‘suatu hasil’ atau ‘dapatan’ yang dikehendaki pada akhir sesuatu program direncanakan. Sebelum sesuatu dasar atau sistem dikendalikan, matlamat perlu difikirkan terlebih dahulu agar destinasi yang ingin dituju sampai kepada arahnya. Hal ini membezakan pendidikan Islam dengan sistem pendidikan moden yang berteraskan kepada falsafah hidup Barat (Ghazali, 2001). Perbincangan yang diutarakan sememangnya selari dengan Matlamat Pendidikan Islam yang ditetapkan dalam sistem pendidikan di Malaysia, iaitu:

*Melahirkan Pelajar Muslim yang berilmu pengetahuan, beriman, berketrampilan, beramal soleh, beradab dan berakhlak mulia berdasarkan al-Quran dan sunnah sebagai hamba dan khalifah Allah S.W.T. yang bertakwa dan menyumbang kepada tamadun bangsa dan negara.*

(KPM, 2002)

Matlamat ini sebenarnya gambaran ringkas terhadap semua matlamat yang dibincangkan oleh tokoh Pendidikan Islam. Oleh itu, pendidikan Islam mempunyai matlamat yang murni untuk melahirkan seorang insan yang soleh, berilmu, beriman, dan berakhlak berlandaskan sumber al-Quran dan sunnah untuk hidup di dunia dengan takwa serta mampu berdikari dalam menyumbang kepada kemajuan agama, bangsa, dan negara.

### **2.3 PENDIDIKAN ISLAM DI MALAYSIA**

Di Malaysia, pendidikan Islam adalah pelopor kepada semua sistem pendidikan yang pernah wujud (Abdullah, 1995; Ahmad, 1997). Secara umumnya, terdapat tiga peringkat perkembangan pendidikan Islam di Malaysia, iaitu sebelum merdeka, selepas merdeka dan era 90-an hingga kini (Ab. Halim, 2000). Sistem pendidikan di Malaysia sebelum perang dunia kedua (1941-1945) adalah bersifat plural, iaitu sekolah-sekolah dibina khusus untuk kaum-kaum tertentu. Oleh itu, sekolah-sekolah tersebut terpisah berdasarkan geografi dan taburan penduduk. Sebagai contoh, sekolah Melayu didirikan di desa, sekolah Cina di bandar dan kawasan perlombongan, sekolah Tamil di ladang-ladang getah manakala sekolah Inggeris di bandar. Di samping itu, tiada

suatu falsafah dan dasar pendidikan yang konkrit sehingga menyebabkan kurikulum bagi kelima-lima jenis sekolah berbeza dan tidak seragam (Abdullah Sani, 2003).

Peperangan dunia kedua telah membawa sistem pendidikan ke dalam suatu era baru. Maka sistem pendidikan plural yang memecah belahkan kaum telah diberi perhatian. Laporan Barnes (1950) dan Laporan Fenn-Wu (1951) merupakan langkah-langkah awal ke arah suatu sistem pendidikan kebangsaan di Negara ini. Setelah Negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, batu asas kepada Dasar Pendidikan Negara telah diletakkan seperti yang terkandung dalam Ordinan Pelajaran (1957) atau lebih dikenali sebagai Penyata Razak (1957). Pembangunan pendidikan Negara diteruskan melalui Penyata Rahman Talib (1960) yang diperakukan dalam Akta Pelajaran (1961) (Ab. Halim, 2001).

Dalam konteks kajian ini, Pendidikan Islam dirujuk sebagai satu mata pelajaran, bukan merujuk kepada definisi yang lebih luas, iaitu pendidikan menurut Islam. Di Malaysia, mata pelajaran Pendidikan Islam merupakan satu mata pelajaran teras dalam arus perdana Kurikulum Pendidikan Kebangsaan. Mata pelajaran tersebut menjadi mata pelajaran yang wajib dipelajari oleh semua murid yang beragama Islam. Walau bagaimanapun, Ahmad (2002) menentang penggunaan nama 'Pendidikan Agama Islam' di Indonesia kerana beliau menganggap bahawa pendidikan merupakan kegiatan, bukan mata pelajaran. Oleh itu, beliau berpendapat bahawa nama 'Pengajian Agama Islam' lebih tepat kerana nama ini merujuk kepada isi pengajaran. Namun, perbahasan yang dibangkitkan oleh beliau lebih menjurus kepada aspek nama, sedangkan inti kepada kedua-dua perkataan tersebut adalah sama.

Pelaksanaan Pendidikan Islam sebagai satu mata pelajaran dalam sistem pendidikan kebangsaan adalah berdasarkan kepada perakuan yang terkandung dalam Penyata Razak (1956), Penyata Rahman Talib (1960) dan Akta Pelajaran (1961). Perakuan dalam penyata dan akta tersebut memperuntukkan agar mata pelajaran Pendidikan Islam diajar di mana-mana sekolah yang berdaftar apabila terdapat sekurang-kurangnya 15 orang pelajar yang beragama Islam (Abdullah *et. al.* 2005). Namun begitu, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), seksyen 50 menetapkan bahawa jika dalam sesuatu institusi pendidikan terdapat lima orang atau lebih yang menganut

agama Islam, maka para pelajar itu hendaklah diberikan pengajaran agama Islam oleh guru yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Pelajaran hendaklah dilaksanakan selama tempoh sekurang-kurangnya dua jam seminggu dalam waktu pengajaran biasa bagi sesebuah institusi pendidikan atau dalam waktu lain yang ditetapkan oleh Menteri Pelajaran (Ab. Halim, 2001).

Pada peringkat awal, waktu pembelajaran pendidikan Islam telah diajar di luar waktu persekolahan, iaitu di waktu petang. Pada tahun 1962, barulah mata pelajaran Pendidikan Islam dimasukkan ke dalam jadual rasmi sekolah dengan peruntukan masa 120 minit seminggu (Abdullah, 1995; Mok Soon Sang, 2004). Walau bagaimanapun, Pendidikan Islam mula menjadi mata pelajaran yang wajib dipelajari oleh semua pelajar Islam setelah Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979 (Ab. Halim, 2000).

Kurikulum bagi mata pelajaran pendidikan Islam pada awalnya hanya dibentuk berdasarkan keperluan dan matlamat untuk memberikan pengetahuan agama kepada para pelajar. Justeru, sukatananya lebih menumpukan kepada perkara asas atau prinsip utama dalam ajaran Islam seperti Tauhid, Ibadah dan al-Quran (Abdullah, 1995). Pelaksanaannya juga lebih menjurus kepada penghayatan maklumat, bukan penghayatan melalui amalan. Akibatnya, hasrat dan matlamat kurikulum Pendidikan Islam tidak mencapai sasaran kerana para pelajar yang mempelajari agama Islam cenderung untuk lulus sahaja dalam peperiksaan, bukannya mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian (Jasmi, 2011).

Oleh yang demikian, menyedari masalah yang wujud, maka satu jawatankuasa Mengkaji Mata Pelajaran Agama Islam di sekolah telah dibentuk dan hasil kajian tersebut telah diterbitkan dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Dasar Pelajaran 1979 (1984) melalui Perkara 129 yang menyatakan bahawa:

*Mutu pengajaran dan pembelajaran Pengetahuan Agama Islam di sekolah-sekolah sekarang ini belum mencapai satu peringkat yang diharapkan, keadaan ini timbul kerana kebanyakan guru-guru agama ini tidak mempunyai kelayakan ikhtisas yang diperlukan. Di samping itu, mereka juga telah tidak mendapat bimbingan dan penyeliaan yang sewajarnya.*

Selain itu, Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Dasar Pelajaran 1979 (1984) juga menyebut perkara 348.3 seperti berikut:

*Pendidikan Agama Islam seperti yang dijalankan pada masa ini kurang menitikberatkan aspek-aspek amali sebagaimana yang dijangka dan dikehendaki.*

Petikan laporan tersebut jelas memperlihatkan senario pendidikan Islam pada ketika itu yang dilihat belum mencapai tahap yang sepatutnya dan kurang menekankan aspek praktikal. Hal ini telah membawa kepada penggubalan kurikulum yang bersepadu agar mata pelajaran Pendidikan Islam dapat memainkan peranan membina insan kamil yang berpengetahuan dan menghayati ilmu yang diperolehi (Abd. Rauf, 1990). Oleh yang demikian, pendidikan Islam telah diperkasakan melalui Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang memberikan tumpuan terhadap penghayatan dan amalan Islam dalam kehidupan. Perkara ini boleh diteliti melalui Falsafah Pendidikan Islam yang dinyatakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (2000) seperti berikut:

*Pendidikan Islam adalah satu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah, bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangunkan diri, masyarakat, alam sekitar, dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat.*

Pernyataan falsafah tersebut jelas memfokuskan usaha ke arah melahirkan generasi muslim yang seimbang dan berpegang teguh kepada ajaran Islam dan seterusnya menyumbang kepada diri, masyarakat sekitarnya, dan negara ke arah mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

#### **2.4 BILIK OPERASI PENDIDIKAN ISLAM**

Bilik operasi Pendidikan Islam merujuk kepada bilik atau ruangan yang digunakan untuk sebarang aktiviti berkaitan Pendidikan Islam. Surau merupakan bilik operasi Pendidikan Islam yang utama dan turut dikenali sebagai Makmal Pendidikan Rohani

(Jasmi, 2011; Ab. Halim *et. al.* 2003) dan Makmal Pendidikan Islam (Leenoh, 2009). Selain itu, bilik operasi Pendidikan Islam juga dikenali dengan nama Bilik Khas Pendidikan Islam (Samsudin, 2011) dan Bilik Pengajaran Mata Pelajaran Pendidikan Islam (Prestariang Technology, 2004).

Dalam sistem pendidikan di Malaysia, surau merupakan kemudahan yang disediakan di sekolah sebagai tempat untuk pelajar menunaikan solat fardu selain menjalani proses pengajaran dan pembelajaran (P&P). Surau yang terdapat di sekolah boleh didefinisikan sebagai suatu tempat beribadah khususnya solat serta pusat kegiatan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti amali yang berkaitan dengan pendidikan Islam (KPM, 1988). Pada tahun 1998, Kementerian Pelajaran Malaysia mentakrifkan semula surau sebagai satu bangunan yang terpisah daripada bilik darjah dan terletak di dalam kawasan sekolah, digunakan untuk menunaikan solat serta menjalankan kegiatan pendidikan Islam oleh seluruh warga sekolah.

Semua pentadbir sekolah perlu menyediakan tempat beribadah khususnya untuk solat sekiranya jumlah pelajar Islam di sesebuah sekolah mencapai jumlah 15 orang atau lebih. Hal ini adalah berdasarkan Pekeliling KPM bertarikh 9 September 1976 (Bil.9A/1976) yang menggariskan bahawa:

1. Bagi membolehkan para pelajar Islam menunaikan solat serta melakukan amali ketika proses P&P, semua pentadbir sekolah rendah dan menengah bantuan penuh yang berkenaan, atas budi bicaranya dan tanpa melibatkan kewangan daripada KPM, diminta berikhtiar memperuntukkan suatu tempat yang sesuai untuk dijadikan tempat solat serta menyediakan kemudahan berkaitan dengannya. Tempat solat ini boleh diubahsuai dari bilik tertentu sama ada bilik darjah, dewan atau bangunan khas yang dirasakan sesuai.
2. Sekiranya sekolah itu berhampiran dengan masjid atau surau, pentadbiran sekolah berkenaan bolehlah berunding dengan pihak berkuasa masjid atau surau untuk mendapatkan kebenaran agar pelajar sekolah boleh menggunakannya untuk menunaikan solat.
3. Sejauh mana yang boleh dipraktikkan, amali solat bagi pelajar sekolah rendah hendaklah diatur agar semua pelajar berkenaan benar-benar mahir mendirikan ibadah

solat. Manakala bagi pelajar sekolah menengah yang tidak berkesempatan untuk menunaikan solat di rumah, digalakkan menunaikannya di tempat yang disediakan.

Berdasarkan pekeliling tersebut, semua pentadbir sekolah perlu mencari dana dan sumber kewangan sendiri untuk membiayai kos pembinaan *musolla* atau surau di sekolah dengan bantuan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) kerana tiada peruntukan khas dari KPM untuk pembinaan pusat ibadah tersebut (Jasmi, 2011). Walaupun tiada peruntukan khusus untuk membiayai pembinaan surau sekolah, namun kerjasama bersepadu antara pihak sekolah dengan PIBG serta sokongan daripada masyarakat luar, akhirnya berjaya menjayakan pembangunan surau yang kondusif di sekolah (Ab. Halim *et. al.* 2003).

Prasarana fizikal sesebuah surau sekolah amat penting bagi memastikan proses P&P dapat dilaksanakan seterusnya mengukuhkan penghayatan agama dalam kalangan pelajar (Ab. Halim *et. al.* 2003; Jasmi, 2011). Bani Hidayat *et. al.* (2010) menyatakan bahawa persekitaran surau yang kondusif akan menjamin keberkesanan pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan oleh guru. Oleh yang demikian, kemudahan fizikal surau perlu dilengkapi dengan secukupnya bagi menjamin keselesaan pelajar dan memudahkan guru untuk mengajar.

Pada tahun 1989, BPI telah mengusulkan cadangan garis panduan pembinaan surau Sekolah Menengah Agama dan Sekolah Berasrama Penuh. Seterusnya, pada tahun 1998, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mengeluarkan satu Pekeliling Ikhtisas Bil 14/1998 berhubung garis panduan pembinaan surau bagi semua sekolah rendah dan menengah. Namun, pihak sekolah telah diberi kelonggaran untuk membina atau mengubahsuai bilik solat atau surau berdasarkan kebenaran dan kelulusan dari Jabatan Pelajaran Negeri (JPN). (Ab. Halim *et. al.* 2003; Bani Hidayat *et. al.* 2010).

Selain itu, Bani Hidayat *et. al.* (2010) turut menekankan elemen ergonomik bagi sesebuah surau. Menurut beliau, kedudukan bangunan, sistem pengudaraan, pencahayaan serta peralatan perabot lain yang terdapat di dalam surau sekolah perlu diberi penekanan bagi memastikan keselesaan dan pelaksanaan P&P di dalam surau sekolah dapat mencapai objektifnya. Ciri-ciri tersebut tidak sewajarnya diabaikan

kerana ciri tersebut memberi kesan terhadap motivasi pelajar untuk mengikuti proses P&P yang dijalankan oleh guru Pendidikan Islam di dalam surau sekolah.

Menurut Ab. Halim *et. al.* (2003), surau sekolah biasanya digunakan sebagai tempat latihan amali mengenai ibadah seperti mengambil wuduk, solat, mandi mayat, bersuci dan ibadah fardu yang lain. Selain itu, surau turut digunakan untuk menjalankan aktiviti seperti syarahan, ceramah mahupun kuliah agama berkaitan dengan hari kebesaran dalam Islam. Namun, Jasmi *et. al.* (2010) berpandangan bahawa surau sekolah seharusnya diperluaskan penggunaannya merangkumi aktiviti perbincangan untuk mengulangkaji pelajaran dalam kalangan pelajar. Bahan bacaan yang sesuai juga harus disediakan dan ditempatkan di satu ruangan atau rak khusus supaya boleh dijadikan rujukan kepada para pelajar. Beliau juga menyarankan agar suasana yang harmoni dan keadaan fizikal yang selesa di dalam surau sekolah sewajarnya dimanfaatkan oleh guru Pendidikan Islam untuk menjalankan aktiviti amali atau berkumpulan bagi merangsang minat dan motivasi pelajar.

Tidak dapat dinafikan bahawa, penggunaan surau dalam P&P Pendidikan Islam lebih menonjol kerana majoriti sekolah menengah di Malaysia mempunyai kemudahan surau. Oleh itu, surau cenderung dijadikan bilik operasi untuk melaksanakan P&P Pendidikan Islam berbanding bilik operasi lain seperti Bilik Khas Pendidikan Islam (Samsudin, 2011) dan Bilik Pengajaran Mata Pelajaran Pendidikan Islam (Prestariang Technology, 2004). Tambahan pula, bilik operasi yang lain dibina berdasarkan inisiatif pihak sekolah masing-masing tanpa wujudnya garis panduan khusus yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia.


## **2.5 PEMBELAJARAN BERASASKAN PENGALAMAN**

Penggunaan bilik operasi dalam P&P Pendidikan Islam berkait rapat dengan aspek praktikal atau amali. Pendidikan Islam bukan sekadar menekankan aspek teori tetapi juga merangkumi aspek praktikal bagi memastikan para pelajar dapat menghayati dan mengamalkan Islam dalam kehidupan. Terma yang digunakan untuk menggambarkan



pembelajaran melalui pengalaman cukup luas tetapi perbincangannya merujuk kepada perkara yang sama, iaitu pembelajaran berasaskan pengalaman (Robert et. al 2010).

Teori pembelajaran berasaskan pengalaman atau *Experiential Learning Theory* merupakan salah satu teori yang cukup terkenal dan menjadi kunci untuk membincangkan mengenai pembelajaran melalui pengalaman. Berdasarkan teori ini, pembelajaran dianggap sebagai suatu proses dimana ilmu dibentuk melalui transformasi pengalaman (Kolb, 1984). Teori tersebut boleh difahami melalui rajah 1:



**Rajah 1** Teori Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Kolb (1984)

Pengajaran berasaskan pengalaman (PBP) memaparkan dua mod untuk memahami pengalaman, iaitu, pengalaman konkrit dan konseptualisasi abstrak, serta dua mod transformasi pengalaman, iaitu pemerhatian reflektif dan eksperimentasi aktif. Teori ini menekankan proses pembinaan ilmu pengetahuan yang melibatkan kreativiti pada keempat-empat mod pembelajaran yang menghasilkan kitaran mengalami, merefleksi, berfikir dan bertindak (Kolb, 1984; Kolb & Kolb, 2005).

Secara ringkas, pembelajaran berasaskan pengalaman (PBP) merujuk kepada keadaan di mana pelajar diberi peluang untuk memperolehi dan mengaplikasikan ilmu, kemahiran dan perasaan dalam situasi yang realistik atau bersesuaian dengan

tajuk pembelajaran yang dilalui. Konsep pembelajaran ini melibatkan pengalaman sebenar dengan fenomena yang dikaji, bukan hanya berfikir tentang fenomena tersebut atau memikirkan cara bagaimana untuk mengalaminya. Pendekatan ini merupakan suatu usaha untuk meningkatkan elemen praktikal berbanding teori dalam pengajaran dan pembelajaran (Hussain *et. al.* 2008; Mahmoud & Zoltan, 2009).

Oleh itu, dalam membicarakan mengenai penghayatan Islam, para pelajar sewajarnya diberikan peluang secara langsung untuk mempraktikkan apa yang dipelajari mengenai pendidikan Islam. Bilik operasi Pendidikan Islam mampu berperanan sebagai wasilah bagi mewujudkan pengalaman sebenar dalam kehidupan mereka. Proses P&P pendidikan Islam yang dilaksanakan di dalam bilik operasi Pendidikan Islam bukan hanya menyediakan suasana yang kondusif bahkan membuka ruang kepada guru dan pelajar untuk menjalankan pelbagai aktiviti yang pelbagai dan seterusnya memberikan pengalaman secara realistik khususnya dalam bab ibadah melalui pelaksanaan secara praktikal (Jasmi, 2011). Oleh itu, penggunaan bilik operasi dalam P&P Pendidikan Islam harus diperkasakan bagi mencapai usaha ke arah melahirkan modal insan yang benar-benar holistik dan mempunyai penghayatan Islam yang tinggi.

## **2.6 SOROTAN KAJIAN LEPAS**

Secara amnya, boleh disimpulkan bahawa tidak ramai penyelidik di Malaysia yang menjalankan kajian mengenai bilik operasi Pendidikan Islam. Senario ini memberikan gambaran bahawa perbincangan mengenai bilik operasi Pendidikan Islam kurang diberi perhatian dan masih banyak ruang yang boleh diteroka bagi mendalami topik ini. Antara kajian awal mengenai bilik operasi Pendidikan Islam dijalankan oleh Ab. Halim *et. al.* (2003) yang menjalankan kajian bertajuk *Fungsi surau dan keberkesannya dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam*. Kajian ini melibatkan seramai 523 orang pelajar dari beberapa buah sekolah menengah di negeri Selangor. Hasil kajian yang diperolehi mendapati bahawa 80.1% pelajar mengatakan bahawa mereka seronok menjalani P&P di dalam surau sementara 68.4% pelajar bersetuju bahawa surau telah membantu pelajar dalam aktiviti pembelajaran. Selain itu, 95.0% pelajar berpendapat bahawa surau sekolah memberikan sumbangan yang

positif dalam meningkatkan amal ibadah mereka. Dapatan yang diperolehi menunjukkan bahawa surau sekolah memberikan kesan yang positif terhadap pembelajaran pelajar. Dapatan Ab. Halim *et. al.* (2003) juga menunjukkan bahawa hanya 50.1% pelajar bersetuju bahawa surau sekolah digunakan sepenuhnya untuk tujuan P&P. Hal ini menunjukkan bahawa walaupun P&P di dalam surau sekolah mampu menarik minat pelajar, namun guru Pendidikan Islam didapati tidak menggunakan kemudahan surau secara optimum sebagai pusat P&P.

Selain itu, Anisah (2008) melalui kajiannya mengenai *Keberkesanan Modul Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Berasaskan Masjid* di SMKA Sultan Muhammad Melaka telah mendapati bahawa modul tersebut berjaya meningkatkan pencapaian pelajar sekaligus meningkatkan minat pelajar terhadap guru dan mata pelajaran Pendidikan Islam. Selain itu, perubahan tempat belajar selain bilik darjah menyediakan suasana pembelajaran yang kondusif kepada guru dan pelajar. Aktiviti yang dijalankan melalui pelaksanaan modul tersebut didapati mendatangkan keseronokan untuk belajar seterusnya memudahkan pelajar untuk memahami pelajaran dengan mudah. Selain itu, modul tersebut telah mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih ceria, menggalakkan penyertaan lebih ramai pelajar dan turut meningkatkan interaksi dalam kalangan pelajar di samping menjana pemikiran kreatif.

Kajian dengan konsep yang sama dijalankan oleh Abd. Shukor (2008) di Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Rawang Selangor pula mendapati bahawa P&P Pendidikan Islam yang dilaksanakan di dalam masjid berjaya meningkatkan pencapaian pelajar sekaligus menambah minat dan motivasi pelajar untuk mempelajari pendidikan Islam. Hasil kajian juga mendapati bahawa para pelajar memberikan perhatian dan tumpuan terhadap aktiviti berbentuk praktikal yang dilaksanakan oleh guru Pendidikan Islam kerana menarik dan menyeronokkan. Hal ini berbeza dengan aktiviti yang dilaksanakan di dalam bilik darjah yang kurang melibatkan pelajar dan peluang untuk mereka mempraktikkan apa yang dipelajari adalah terhad.

Begitu juga dengan hasil kajian yang dijalankan oleh Mohd Azman (2008) melalui kajian yang sama turut mendapati bahawa aktiviti pembelajaran di luar bilik darjah meningkatkan pencapaian pelajar. Aktiviti yang dilaksanakan di masjid lebih

efektif kerana pelajar mempraktikkan terus pelajaran yang telah dipelajari seperti adab masuk dan keluar masjid serta kaifiat mendirikan solat *tahiyah al-masjid*. Modul pengajaran dan pembelajaran berasaskan masjid telah menjadikan pembelajaran lebih berkesan dan dapat diingati oleh pelajar dalam tempoh yang panjang. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa proses P&P pendidikan Islam yang dilaksanakan di dalam surau atau masjid mempunyai potensi yang besar dan mampu menyumbang secara signifikan terhadap pembelajaran pelajar.

Sementara itu, Rosli (2010) pula menjalankan kajian terhadap enam buah sekolah menengah kebangsaan di daerah Pasir Mas, Kelantan. Beliau mendapati bahawa seramai 162 orang pelajar (68.4%) bersetuju bahawa surau sekolah digunakan sepenuhnya dalam proses P&P Pendidikan Islam. Dari aspek analisis inferensi pula, hasil kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara min pelajar lelaki dengan min pelajar perempuan mengenai fungsi surau dan keberkesanannya dalam P&P Pendidikan Islam ( $P=0.966$ ,  $p>0.05$ ). Hal ini menunjukkan bahawa persepsi bagi kedua-dua kumpulan pelajar berdasarkan jantina adalah sama terhadap fungsi surau dan keberkesanannya di mana min pelajar lelaki ialah 3.89 manakala min pelajar perempuan ialah 4.01. Hasil kajian beliau juga mendapati seramai 216 orang pelajar (86.4%) bersetuju bahawa surau berperanan untuk meningkatkan amal fardhu mereka. Dapatan ini membuktikan bahawa pelaksanaan aktiviti di dalam surau sekolah sama ada ibadah atau pendidikan telah memberikan kesan terhadap amal ibadah pelajar.

Jasmi Amin (2011) pula telah menjalankan kajian bagi mengenalpasti kualiti prasarana P&P pendidikan Islam di dalam surau sekolah. Kajian tersebut melibatkan 400 orang pelajar tingkatan empat di 12 buah sekolah menengah kebangsaan di daerah Melaka Tengah, Melaka. Secara keseluruhannya, analisis data menunjukkan kualiti prasarana P&P di dalam surau-sarau Sekolah Menengah Kebangsaan daerah Melaka Tengah berada pada tahap sederhana tinggi. Begitu juga dengan tahap minat pelajar untuk mengikuti proses P&P Pendidikan Islam di dalam surau sekolah turut mencapai tahap sederhana tinggi. Namun, hasil kajian mendapati tahap penggunaan surau sekolah dari aspek ibadah dan pendidikan berada pada tahap sederhana rendah. Selain itu, hasil kajian yang diperolehi menunjukkan terdapat hubungan yang

signifikan antara kualiti prasarana P&P dengan minat pelajar untuk mengikuti proses P&P Pendidikan Islam di dalam surau sekolah. Tahap penggunaan surau sekolah dari aspek ibadah dan pendidikan juga didapati mempunyai hubungan yang signifikan dengan minat pelajar untuk menjalani proses P&P di dalam surau sekolah.

## **2.7 PENUTUP**

Bab ini telah menghuraikan tinjauan kepustakaan tentang pendidikan dalam Islam, Pendidikan Islam di Malaysia, bilik operasi Pendidikan Islam, serta pembelajaran berasaskan pengalaman. Selain itu, kajian-kajian lepas telah dikupas secara ringkas untuk memberikan gambaran mengenai realiti kajian terkini yang dijalankan mengenai bilik operasi Pendidikan Islam. Hasil perbincangan menunjukkan bahawa masih kurang kajian yang dijalankan mengenai bilik operasi Pendidikan Islam khususnya dengan menggunakan metode kualitatif.

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 PENDAHULUAN

Allah S.W.T. menyeru manusia untuk membuat penyelidikan, meneroka hikmah dan menyingkap kekuasaan-Nya melalui setiap kejadian dan peristiwa yang berlaku. Sebagai contoh, firman Allah S.W.T.:

أَوَلَمْ يَنْظُرُوا فِي مَلَكُوتِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا خَلَقَ اللَّهُ مِنْ شَيْءٍ وَأَنْ عَسَى أَنْ  
يَكُونَ قَدِ اقْتَرَبَ أَجْلُهُمْ فَبِأَيِّ حَدِيثٍ بَعْدَهُ يُؤْمِنُونَ ﴿١٨٥﴾

Maksud: *Dan apakah mereka tidak memperhatikan kerajaan langit dan bumi dan segala sesuatu yang diciptakan Allah, dan kemungkinan telah dekatnya kebinasaan mereka? Maka kepada berita manakah lagi mereka akan beriman sesudah al-Quran?*

(Surah al-‘Araf, 7:185)

Allah S.W.T. juga berfirman dengan nada yang sama dalam surah al-Toriq (86:5-7), surah al-Ghasyiah (88:17-20), surah al-Nahl (16:18), surah al-Ankabut (29:20) dan surah ar-Rum (30:50). Ayat-ayat tersebut telah memberikan isyarat yang jelas bahawa setiap sesuatu yang diciptakan oleh Allah S.W.T. mengandungi pelbagai ilmu dan hikmah yang harus diteliti dan dikaji secara mendalam bagi meningkatkan iman dan takwa kepada-Nya. Secara umumnya, bab ini akan membincangkan tentang metodologi kajian merangkumi aspek reka bentuk kajian, sampel kajian, lokasi kajian, kaedah pengumpulan data, proses penganalisan data serta kesahan dan kebolehpercayaan.

### 3.2 REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes pelbagai lapangan atau *multicase atau multisite studies* (Merriam, 1998) seperti yang digunakan oleh Kamarul Azmi (2010) dalam kajiannya. Namun, beberapa pengubahsuaian dilakukan agar menepati konteks kajian yang dijalankan. Pemilihan kajian kes dilihat mampu menghasilkan kesimpulan yang analitikal dan jauh lebih baik berbanding kajian satu kes (Yin, 2009).

Kajian kes merupakan kaedah penyelidikan yang digunakan dalam pelbagai bidang seperti psikologi, sosiologi, antropologi, perniagaan, pendidikan, kejururawatan, kerja sosial, sains politik, dan perancangan komuniti (Yin, 2009). Hal ini berikutan wujudnya keperluan yang tinggi untuk memahami fenomena sosial yang kompleks. Menurut Yin (2009), kajian kes boleh didefinisikan sebagai:

*A case study is an empirical inquiry that investigates a contemporary phenomenon in depth and within its real-life context, especially when the boundaries between phenomenon and context are not clearly evident.*

(Yin, 2009:13)

Definisi tersebut lebih menekankan kepada proses kajian kes kerana kajian ini melibatkan proses untuk memahami fenomena yang benar-benar berlaku secara mendalam selari dengan konteks situasi yang dikaji. Walaupun, kajian kes dikategorikan sebagai kajian kualitatif namun sesetengah kajian kes juga mencampurkan data kualitatif dan kuantitatif.

Kajian ini lebih bersifat penerokaan kerana masih belum wujud suatu model penggunaan bilik operasi untuk pelaksanaan P&P Pendidikan Islam. Kajian ini juga melibatkan beberapa lokasi yang berbeza kerana menurut Merriam (1998), semakin banyak kes yang dimasukkan dalam kajian, semakin banyak kemungkinan untuk membuat tafsiran yang menarik. Walau bagaimanapun, sekiranya fenomena yang dikaji tidak bersempadan secara intrinsik, maka ia tidak dikira sebagai kes. Antara langkah yang dicadangkan oleh Merriam (1998) bagi menilai persempadanan adalah seperti berikut:

*One technique for assessing the boundedness of the topic is to ask how finite the data collection would be, that is, whether there is a limit to the number of people involved who could be interviewed or a finite*

*amount of time for observations. If there is no end, actually or theoretically, to the number of people who could be interviewed or to observations that could be conducted, then the phenomenon is not bounded enough to qualify as a case.*

(Merriam, 1998:27-28)

Peranan pengkaji yang berfungsi sebagai instrumen utama dalam proses pengumpulan dan penganalisan data membolehkan sesuatu fenomena atau situasi difahami secara menyeluruh (Holliday, 2007; Hennink *et. al.* 2011). Walau bagaimanapun, kemahiran asas sebagai pengkaji kajian kes harus dititikberatkan agar objektif kajian dapat dicapai. Antara kemahiran yang harus dimiliki menurut Yin (2009) ialah:

1. Mampu bertanya soalan yang baik dan menginterpretasi jawapannya.
2. Pendengar yang baik dan tidak terperangkap dengan ideologi sendiri.
3. Boleh mengadaptasi dan fleksibel agar situasi baru yang dihadapi dapat dilihat sebagai peluang, bukan ancaman.
4. Mempunyai kefahaman yang jelas terhadap isu yang dikaji.
5. Tidak berat sebelah terhadap tanggapan terdahulu termasuk yang berasal daripada teori.

Pengkaji menggabungkan tiga kaedah pengumpulan data dalam kajian ini, iaitu temu bual mendalam, pemerhatian dan analisis dokumen (Patton, 1990; Merriam, 1998; Cohen & Morrison, 2000). Data utama diperolehi melalui kaedah temu bual dan disokong oleh kaedah pemerhatian dan kaedah analisis dokumen. Nota lapangan dan diari juga digunakan untuk memperkukuhkan ketiga-tiga data tersebut. Pengkaji akan meneroka secara menyeluruh dan mendalam penggunaan bilik operasi Pendidikan Islam dalam P&P. Di samping itu, pengkaji akan meneroka ciri-ciri bilik operasi Pendidikan Islam yang efektif untuk pelaksanaan P&P Pendidikan Islam seterusnya mengkaji faktor yang mempengaruhi penggunaan surau untuk melaksanakan P&P Pendidikan Islam. Penggabungan ketiga-tiga kaedah ini turut digunakan sebelum ini oleh Kamarul Azmi (2010) dalam kajian kes bidang Pendidikan Islam. Data yang diperolehi kemudiannya dianalisis secara deskriptif untuk menghasilkan tema yang membentuk pola. Pola yang wujud akan membawa kepada penemuan baru yang boleh diketengahkan sebagai model.



### 3.3 SAMPEL KAJIAN

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan persampelan bertujuan (*purposive sampling*) seperti yang dicadangkan oleh Merriam (1998) dan Creswell (2003), iaitu dengan mengenalpasti kelompok responden yang mewakili populasi yang hendak dikaji dan menjadikan semua individu dalam kelompok tersebut sebagai sampel. Oleh itu, pengkaji telah membuat pemilihan sampel berdasarkan langkah berikut:

1. Mengenal pasti sekolah menengah kebangsaan (SMK) di sekitar daerah Johor Bahru yang mempunyai kemudahan bilik operasi Pendidikan Islam. Tiada jumlah khusus dalam menentukan sampel sesuatu kajian kes kerana menurut Merriam (1998) kajian kualitatif lebih menekankan kepada ciri-ciri amalan atau fenomena yang berlaku.
2. Pengkaji memilih seorang guru Pendidikan Islam (GPI) mewakili setiap sekolah untuk ditemu bual bagi mengumpulkan data kualitatif. Guru Pendidikan Islam yang dimaksudkan mestilah paling kerap melaksanakan P&P di dalam bilik operasi Pendidikan Islam dalam sesi persekolahan dan mengajar pelajar peringkat menengah rendah.

### 3.4 LOKASI KAJIAN

Pemilihan lokasi kajian dibuat setelah mengambilkira objektif kajian. Kajian ini melibatkan sekolah menengah kebangsaan di sekitar daerah Johor Bahru, Johor yang mempunyai kemudahan bilik operasi Pendidikan Islam. Pemilihan sekolah adalah berdasarkan pemilihan surau sekolah yang menepati kriteria untuk dikaji. Pengkaji menetapkan bahawa sekolah tersebut mestilah mempunyai:

1. Bilik operasi Pendidikan Islam yang digunakan untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran.
2. GPI yang melaksanakan P&P bagi peringkat menengah rendah di dalam bilik operasi Pendidikan Islam. GPI yang hanya mengajar peringkat menengah atas dan tidak menggunakan bilik operasi Pendidikan Islam tidak termasuk dalam kajian ini.

3. GPI juga mestilah mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam. GPI yang mengajar mata pelajaran Tasawwur Islam, Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, serta Syariah Islamiyah tidak termasuk dalam kajian ini.

Kajian ini melibatkan kaedah temu bual sebagai alat kajian utama yang disokong oleh data pemerhatian, dan analisis dokumen. Bentuk temu bual pula adalah separa berstruktur dan hanya melibatkan GPI. Selain itu, kajian ini terhad dalam tempoh sesi persekolahan dan melibatkan aktiviti di dalam kawasan sekolah sahaja.

### **3.5 PROSEDUR PENGUMPULAN DATA**

Pengumpulan data dalam kajian kes ini dilaksanakan dalam tiga bentuk, iaitu temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen (Merriam, 1998; Yin, 2009; Richards, 2009; Hennink et. al. 2011). Penggunaan ketiga-tiga kaedah ini merupakan salah satu bentuk triangulasi data kualitatif. Data temu bual merupakan data utama kajian ini, manakala data pemerhatian dan analisis dokumen merupakan data sokongan bagi mengukuhkan dan membuktikan lagi kebenaran data temu bual yang dijalankan. Oleh kerana data temu bual berfungsi sebagai data utama, maka data ini boleh berdiri sendiri untuk diambil kira dalam pembinaan tema dalam kajian kualitatif. Sebaliknya bagi data pemerhatian dan analisis dokumen, data ini tidak diambil kira dalam pembinaan tema kajian ini melainkan setelah disandarkan dengan data temu bual (Kamarul Azmi, 2010).

#### **3.5.1 Prosedur Temu Bual**

Data temu bual dalam kajian ini merupakan data kualitatif yang utama. Temu bual melibatkan GPI yang menggunakan bilik operasi Pendidikan Islam untuk melaksanakan P&P. Temu bual dimulakan dengan bertanyakan latar belakang GPI diikuti dengan amalan pengajaran GPI di dalam bilik operasi Pendidikan Islam, ciri bilik operasi Pendidikan Islam yang efektif untuk P&P dan disusuli dengan pertanyaan tentang faktor yang mempengaruhi penggunaan bilik operasi Pendidikan Islam dalam P&P.

Temu bual dengan semua responden kajian dimulakan dengan membuat temu janji bagi menentukan tarikh, masa dan tempat. Sebelum temu bual dijalankan, pengkaji terlebih dahulu menjelaskan tentang tujuan temu bual, jangka masa dan memohon kebenaran untuk merakamkan temu bual. Pada peringkat awal, pengkaji menjelaskan kepada peserta kajian bahawa setiap temu bual yang dilakukan hanya untuk tujuan kajian dan akan dirahsiakan. Pengkaji juga menggunakan teknik *probing* (mencungkil) seperti yang digunakan oleh Kamarul Azmi (2010) untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai sesuatu perkara atau persoalan.

Setiap kali sesi temu bual, pengkaji akan mendengar semula rakaman temu bual dan membuat transkripsi menggunakan perisian Ekspres Scribe Versi 4.18 agar temu bual tersebut boleh ditranskripsikan dengan betul. Salinan transkrip temu bual juga diberikan kepada peserta kajian untuk tujuan semakan dan membuat pengesahan sama ada mereka mahu membetulkan atau menyunting mana-mana bahagian dalam temu bual tersebut. Setelah selesai, pengkaji mendapatkan pengakuan dan tandatangan daripada peserta kajian seterusnya membuat pembetulan bagi melengkapkan teks tersebut.

### **3.5.2 Prosedur Pemerhatian**

Kaedah pemerhatian membolehkan penyelidik memerhatikan tingkah laku subjek kajian secara langsung dan mengelak kesilapan tanggapan dalam membuat tafsiran dan kesimpulan. Selain itu, isu yang dikaji juga boleh diteroka secara mendalam dan berkemungkinan pengkaji mendapat maklumat di luar jangkaan (Ahmad Sunawari, 2009). Antara ciri pemerhatian yang baik ialah:

1. Pemerhatian dilakukan secara terancang dan sistematik.
2. Pemerhatian dilakukan secara menyeluruh.
3. Pemerhati bersikap objektif dan mengeneipkan pandangan yang bias.
4. Pemerhati mampu mengasingkan antara fakta dan tafsiran.
5. Pemerhatian selalu diuji dan perbandingan antara data dilakukan.
6. Pemerhatian direkodkans secara teliti dan professional.
7. Pemerhatian diulang sekiranya terdapat keraguan atau data kurang tepat.

Pengkaji memilih pemerhatian secara tidak turut serta dalam kajian ini bagi menyokong kaedah temu bual (Yin, 2009; Holliday, 2007; Hennink *et. al.* 2011). Oleh itu, pengkaji tidak melibatkan diri secara langsung ketika mengumpulkan data daripada mereka di samping mencatat pada nota lapangan. Data yang diperolehi daripada pemerhatian ini sangat penting kerana pemerhatian dibuat dalam konteks keadaan yang semulajadi atau *natural*. Justeru, kaedah pemerhatian ini amat sesuai untuk menyokong data temu bual.

### **3.5.3 Prosedur Analisis Dokumen**

Selain pemerhatian, kaedah analisis dokumen juga digunakan bagi menyokong dan membuktikan kebenaran data temu bual. Hal ini bagi memastikan data yang diperolehi daripada para peserta kajian adalah tepat. Dokumen yang dianalisis juga berfungsi sebagai data sokongan yang boleh membantu pengkaji memahami dan mendapatkan maklumat yang tidak ditemui dalam temu bual dan data pemerhatian. Dokumen merujuk kepada apa sahaja bahan bertulis yang mengandungi maklumat mengenai sesuatu perkara atau maklumat mengenai sesuatu fenomena. Data dokumen boleh didapati daripada pelbagai sumber antaranya dokumen rasmi seperti surat, minit mesyuarat, laporan bertulis atau dokumen peribadi (Merriam, 1998; Yin, 2009). Hasil dapatan yang diperolehi melalui analisis dokumen memainkan peranan yang sangat penting dalam proses membanding beza antara data dan seterusnya memberikan gambaran yang lebih terperinci terhadap aspek yang dikaji.

## **3.6 PROSEDUR PENGANALISISAN DATA**

Proses penganalisan data dalam kajian ini melibatkan tiga jenis data, iaitu data temu bual, data pemerhatian, dan data analisis dokumen. Penganalisan data bagi kajian kualitatif ini mengikuti sebahagian langkah yang dilakukan oleh Kamarul Azmi (2010). Data dianalisis dengan teliti dan secara berperingkat kerana data diperolehi daripada pelbagai sumber, kaya, dan tidak tersusun. Data dibersihkan dan difahami terlebih dahulu disusuli dengan proses pengkodan dan pembinaan tema menggunakan perisian N'Vivo versi 7.0.

Selain itu, pengkaji juga meletakkan rujukan asal fakta - ‘GPIS1 2012:250’ seperti yang digunakan oleh Kamarul Azmi (2010). ‘GPIS1’ membawa maksud bahawa data ini diperolehi daripada temu bual dengan guru Pendidikan Islam Sekolah 1. Tahun ‘2012’ pula merujuk kepada tahun temu bual itu diadakan dan teks temu bual disediakan. Seterusnya, ‘:250’ merujuk kepada baris ayat pertama sesuatu data diambil daripada teks temu bual GPIS1. Akhir sekali, pengkaji merumuskan pola dapatan kajian dalam bentuk rajah sebagai satu rumusan bagi setiap dapatan bagi setiap objektif kajian.

### **3.7 KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN**

Dalam kajian ini, pengkaji menitikberatkan aspek kesahan dan kebolehpercayaan. Antara langkah yang diambil ialah triangulasi, pengesahan responden terhadap data temu bual serta laporan nota lapangan dan diari.

#### **3.7.1 Triangulasi**

Selanjutnya, bagi mengukuhkan kebolehpercayaan dan kesahan kajian yang dilakukan, penyelidik menggunakan teknik triangulasi. Triangulasi merupakan satu prosedur kesahan yang dilaksanakan oleh penyelidik menggunakan pelbagai sumber maklumat yang berbeza untuk membentuk tema atau kategori dalam sesuatu kajian. Terdapat beberapa jenis triangulasi yang biasa digunakan antaranya ialah triangulasi data, triangulasi penyelidik, triangulasi teori, triangulasi metode dan triangulasi persekitaran (Patton, 1990; Stake, 1995; Neuman, 2003).

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah triangulasi data yang melibatkan data daripada sumber yang berbeza, iaitu data temu bual, data pemerhatian, dan data analisis dokumen. Penggunaan teknik triangulasi jenis ini bertujuan untuk mendapatkan kefahaman yang lebih menyeluruh terhadap fenomena yang dikaji. Seterusnya data kajian yang telah diperolehi dikumpul dan dianalisis secara kes demi kes sehingga fakta menjadi tepu (Strauss dan Corbin, 2008; Merriam, 1998; Yin, 2009). Seperti yang dimaklumi, data temu bual ini juga disokong oleh data pemerhatian dan data

analisis dokumen. Oleh itu, pengkaji berusaha untuk melaksanakan sebanyak mungkin pemerhatian dan menganalisis dokumen penting yang dapat membantu dalam memberikan gambaran yang lebih menyeluruh mengenai perkara yang dikaji.

### **3.7.2 Nota Lapangan dan Diari**

Pengumpulan data yang teratur dan tersusun mempengaruhi dapatan kajian yang diperolehi. Oleh itu, nota lapangan merupakan alat yang memainkan peranan penting dan menjadi bukti kepada proses pengumpulan data. Nota lapangan ini haruslah disokong oleh diari yang dicatatkan oleh pengkaji sepanjang tempoh kajian di lapangan. Hal ini merangkumi temu janji yang dilakukan, pemerhatian, dan pengumpulan dokumen. Langkah ini mampu meningkatkan kebolehpercayaan kajian (Strauss & Corbin, 2008; Holliday, 2007; Richards, 2009). Bagi memastikan nota lapangan dapat disempurnakan dengan baik, pengkaji menggunakan buku nota bagi mencatatkan perjalanan kajian semasa berada di setiap sekolah. Seterusnya, laporan lengkap disediakan berdasarkan catatan dalam nota lapangan tersebut.

### **3.7.3 Pengesahan Responden Terhadap Data Temu bual**

Kesahan dan kebolehpercayaan terhadap data juga dapat ditingkatkan melalui pengakuan dan tandatangan terhadap data yang diperolehi daripada temu bual dengan responden kajian (Patton, 1990; Stake, 1995; Neuman, 2003). Setiap kali temu bual dijalankan, pengkaji akan memohon keizinan terlebih dahulu daripada peserta kajian untuk membuat rakaman temu bual dalam bentuk rakaman suara dan rakaman video. Rakaman video tersebut akan berfungsi sebagai sokongan kepada rakaman suara. Selain itu, rakaman video juga memainkan peranan sangat penting dalam mempamerkan ekspresi para peserta kajian, justeru pengkaji akan dapat memahami dengan tepat segala respon dan jawapan yang diberikan oleh mereka.

Seterusnya, rakaman tersebut akan ditranskripikan dalam bentuk teks dan teks yang telah disiapkan akan diserahkan kepada peserta kajian untuk disemak sama ada

memerlukan pembetulan, terdapat penambahan atau pengurangan fakta. Setelah peserta kajian menyemak, memberikan pengakuan dan tandatangan, maka pengkaji akan meneliti semula transkrip tersebut untuk membuat pembetulan dan kemudiannya melengkapkan teks temu bual.

### **3.8 PENUTUP**

Bab ini membahaskan secara menyeluruh aspek metodologi yang digunakan dalam kajian ini dari segi reka bentuk kajian, persampelan kajian, lokasi kajian, prosedur pengumpulan data, prosedur penganalisan data, serta kesahan dan kebolehpercayaan. Metodologi kajian yang dibincangkan merupakan satu siri prosedur lengkap yang menggambarkan secara keseluruhan perjalanan kajian ini.

## **BAB 4**

### **ANALISIS DAPATAN KAJIAN**

#### **4.1 PENDAHULUAN**

Bab ini membicarakan tentang dapatan kajian yang diperoleh melalui temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Dapatan kajian dianalisis berdasarkan persoalan kajian yang memfokuskan terhadap aspek P&P Pendidikan Islam, ciri-ciri bilik operasi Pendidikan Islam dan faktor yang mempengaruhi penggunaan bilik operasi Pendidikan Islam.

#### **4.2 DAPATAN KAJIAN**

Dapatan kajian ini menyentuh kepada beberapa perkara, iaitu pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik operasi Pendidikan Islam, ciri bilik operasi Pendidikan Islam yang efektif untuk P&P, dan faktor penggunaan bilik operasi Pendidikan Islam.

##### **4.2.1 Pengajaran dan Pembelajaran di dalam bilik Operasi Pendidikan Islam**

Dapatan kajian mengenai P&P merangkumi beberapa elemen utama, iaitu perancangan P&P, set induksi, kaedah P&P, penggunaan BBM, pengurusan disiplin pelajar dan penilaian P&P.



**Jadual 1** Perancangan P&P di dalam bilik Operasi Pendidikan Islam

Tema	Kod	GS1	GS2	GS3
Objektif	Mengikut tahap pengetahuan	-	X	X
	Merujuk sukatan pelajaran	X	X	-
Aktiviti Pembelajaran	Mengikut tahap pengetahuan	-	X	X
	Lebih berpusatkan pelajar	X	-	-
Kaedah Pengajaran	Mengikut tahap pengetahuan	X	X	X
	Mengikut bahagian	X	-	-
Bahan Bantu Mengajar	Mengikut tahap pengetahuan	-	X	X
	Mengikut kesesuaian tajuk	X	-	-
	Mengikut minat pelajar	X	-	-
	Mengikut perkembangan teknologi	X	-	-

Petunjuk: GS1 – Guru Sekolah 1, GS2 – Guru Sekolah 2, GS3 – Guru Sekolah 3

Dari segi perancangan P&P di dalam bilik Operasi, guru Pendidikan Islam mengambilkira perancangan objektif, aktiviti pembelajaran, kaedah pengajaran dan bahan bantu mengajar yang digunakan. Tahap pengetahuan pelajar merupakan perkara yang sangat diberi perhatian dalam merancang aspek-aspek tersebut. Sebagai contoh:

*Tengok kepada pelajar juga... tengok kepada tahap pengetahuan dia... sebab ada pelajar yang arasnya... ada yang bagus, ada yang ok.*

(GS1, 2012: 104)

*Kemudian, apabila kita sudah dapat apa yang kita hendak ajar, jadi saya akan tengoklah... ok, kelas ini kelas budak pandai ke, sederhana ke atau budak yang paling belakang. Ok, dari situ saya tentukan objektifnya.*

(GS2, 2012: 60)

**Jadual 2** Set Induksi di dalam bilik Operasi Pendidikan Islam

Tema	Kod	GS1	GS2	GS3
Set Induksi	Menayangkan power point	X	X	X
	Menunjukkan bahan realia	X	X	X
	Menayangkan video	X	X	-
	Melakukan soal jawab	X	X	-

Petunjuk: GS1 – Guru Sekolah 1, GS2 – Guru Sekolah 2, GS3 – Guru Sekolah 3

Antara set induksi yang kerap digunakan oleh guru Pendidikan Islam di S1-S3 ialah menayangkan *power point* dan menunjukkan bahan realia. Namun, GS1 dan

GS2 turut menayangkan video dan melaksanakan sesi soal jawab sebagai set induksi.

Sebagai contoh:

*Aa... saya memang banyak menggunakan soalan. Lebih memudahkan... Lagipun masa kita tidak terlalu panjang, jadi dengan soal jawab lebih cepat ataupun kadang-kadang saya akan mulakan dengan video... video... Ok, LCD...guna video... kadang-kadang saya menggunakan barangan yang berkaitan.*

(GS2, 2012:105)

**Jadual 3** Kaedah Pengajaran di dalam bilik Operasi Pendidikan Islam

Tema	Kod	GS1	GS2	GS3
Kaedah Pengajaran	Amali	X	X	X
	Tayangan power point	X	X	X
	Perbincangan kumpulan	X	X	X
	Tunjuk cara	X	X	X
	Pembentangan pelajar	X	X	X
	Kuliah	X	X	X
	Tayangan video	X	X	-
	Soal Jawab	X	X	-
	Latih Tubi	-	X	X
	Permainan	X	-	-
	Lakonon	X	-	-
	Talaqqi	X	-	-
	Pertandingan	X	-	-
	Tadarus	X	-	-

Petunjuk: GS1 – Guru Sekolah 1, GS2 – Guru Sekolah 2, GS3 – Guru Sekolah 3

Berdasarkan jadual 3, kaedah amali merupakan kaedah pengajaran yang paling kerap digunakan oleh guru Pendidikan Islam ketika sesi P&P di S1-S3. Kaedah tersebut diikuti oleh kaedah tayangan power point, perbincangan kumpulan, tunjuk cara, pembentangan pelajar dan kuliah atau syarahan. Sebagai contoh:

*Aa... amali untuk P&P memang kita gunakan... sebab kita memang ada kemudahan, alhamdulillah.*

(GS3, 2012:109)

*Perbincangan... bahagi kumpulan, kita buat di sini... terus bagi kertas mahjung ataupun bagi tajuk... bahagi-bahagikan, buat dalam slide power point... kemudian kita boleh bentangkan.*

(GS2, 2012:154)

Selain itu, guru Pendidikan Islam di S1 dan S2 juga menayangkan video dan melaksanakan sesi soal jawab. Terdapat juga beberapa kaedah yang digunakan oleh GS1 semasa menjalankan P&P di dalam bilik operasi namun ianya tidak dilaksanakan di S2 dan S3. Antaranya ialah kaedah permainan, lakonan, talaqqi, pertandingan dan tadarus. Menurut GS1:

*Lakonan, budak yang kena buat sendiri... contoh, tajuk saling bekerjasama... dia kena lakonkan macamana saling bekerjasama tu. Sebab kita hendak tengok dia faham ke tidak... situasi itu macamana... Jadi, dia buat macam-macam lakonanlah. Dia jadi gurulah...kan sekarang ada macam-macam watak...semua diaplikasikan.*

(GS1, 2012:280)

Jadual 4 menunjukkan realiti penggunaan bahan bantu mengajar dalam kalangan guru Pendidikan Islam di S1-S3. Bahan bantu mengajar yang sering digunakan ketika P&P Pendidikan Islam di dalam bilik operasi ialah LCD projektor, bahan realia, carta dan komputer riba. Walau bagaimanapun, BBM seperti buku teks dan poster juga digunakan oleh GS1 dan GS2 dalam P&P. Sebagai contoh:

*Bahan bantu mengajar... aa... saya tak pilih yang terlalu banyak. Terutamanya dari segi buku teks dan buku rujukan, itu mesti... memang wajibla. Ketiganya, saya banyak menggunakan power point.*

(GS2, 2012: 78)

**Jadual 4** Penggunaan BBM di dalam bilik Operasi Pendidikan Islam

Tema	Kod	GS1	GS2	GS3
Penggunaan BBM	LCD projektor	X	X	X
	Bahan realia	X	X	X
	Carta	X	X	X
	Laptop	X	X	X
	Buku teks	X	X	-
	Poster	X	X	-
	Buku modul	-	X	X
	Gambar	X	-	-

Petunjuk: GS1 – Guru Sekolah 1, GS2 – Guru Sekolah 2, GS3 – Guru Sekolah 3

Pengurusan disiplin pelajar ditekankan oleh guru Pendidikan Islam di S1-S3 Sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 5. Guru memberikan nasihat dan menekankan adab untuk memastikan P&P berjalan dengan lancar. Selain itu, terdapat

beberapa kaedah lain yang digunakan seperti memberikan markah (GS1), membersihkan kelas dan menyoal pelajar (GS2) serta membina hubungan erat (GS3). Menurut GS1:

*Kalau saya, saya akan cakap, nasihat... dan salah satu kaedah, kaedah pemberian markah. Pemberian markah maksudnya, kalau kumpulan ok, beri kerjasama, senyap... kita akan bagi extra mark lah.*

(GS1, 2012: 166)

**Jadual 5** Pengurusan Disiplin Pelajar di dalam bilik Operasi Pendidikan Islam

Tema	Kod	GS1	GS2	GS3
Pengurusan Disiplin	Memberikan nasihat	X	-	X
	Menekankan adab	X	-	X
	Mengawal pelajar ketika melakukan aktiviti	X	X	-
	Memberikan markah	X	-	-
	Membersihkan kelas	-	X	-
	Membina hubungan erat	-	-	X
	Menyoal pelajar	-	X	-

Petunjuk: GS1 – Guru Sekolah 1, GS2 – Guru Sekolah 2, GS3 – Guru Sekolah 3

Seterusnya, penilaian P&P yang dilaksanakan oleh guru Pendidikan Islam berbentuk soal jawab dan juga ujian atau latihan sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 6. Penyoalan dibuat untuk dijawab secara berseorangan atau beramai-ramai. Kertas soalan diedarkan kepada pelajar untuk dijawab pada akhir P&P untuk menilai kefahaman pelajar. Selain itu, GS1 merupakan satu-satunya guru Pendidikan Islam yang melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) kerana beliau mengajar pelajar tingkatan satu.

**Jadual 6** Penilaian P&P di dalam bilik Operasi Pendidikan Islam

Tema	Kod	GS1	GS2	GS3
Soal Jawab	Menyoal seorang	X	X	X
	Menyoal beramai-ramai	X	X	X
Ujian/latihan	Kertas soalan/edaran	X	X	X
	Pentaksiran berasaskan sekolah (PBS)	X	-	-

Petunjuk: GS1 – Guru Sekolah 1, GS2 – Guru Sekolah 2, GS3 – Guru Sekolah 3

#### 4.2.2 Ciri Bilik Operasi Pendidikan Islam Yang Efektif Untuk P&P

Dapatan kajian menggambarkan bahawa kemudahan fizikal dan kemudahan BBM yang terdapat di dalam bilik operasi pendidikan Islam merupakan antara elemen asas yang harus dititikberatkan bagi memastikan keberkesanan penggunaan Bilik Operasi Pendidikan Islam untuk pelaksanaan P&P.

**Jadual 7** Kemudahan Bilik Operasi Pendidikan Islam

Tema	Kod	GS1	GS2	GS3
Kemudahan Fizikal	Almari	X	X	X
	Kipas	X	X	X
	Lampu	X	X	X
	Meja/Rehal	X	X	X
	Langsir	X	X	X
	PA system	-	-	X
Kemudahan BBM	LCD projektor	X	X	X
	Komputer riba	X	X	X
	Carta	X	X	X
	OHP	-	X	X
	Buku rujukan	-	X	X
	Buku modul	-	X	X
	Poster	X	X	-
	Bahan bersuci	X	X	-

Petunjuk: GS1 – Guru Sekolah 1, GS2 – Guru Sekolah 2, GS3 – Guru Sekolah 3

Antara kemudahan fizikal yang terdapat di dalam bilik operasi S1, S2 dan S3 ialah almari, kipas, lampu, meja atau rehal dan langsir. Walau bagaimanapun, hanya bilik operasi di S3 mempunyai kelengkapan *PA system* berbanding dengan bilik operasi di sekolah lain. Seterusnya, kemudahan BBM yang terdapat di S1, S2 dan S3 pula terdiri daripada LCD projektor, komputer riba dan carta. Sebagai contoh, hal ini dijelaskan oleh GS3:

*Power point... LCD projektor dengan laptop... PA system dan juga..aa... kita ada carta-carta sebenarnya... macam bunting.*

(GS3, 2012: 183)

Selain itu, S2 dan S3 juga mempunyai kelengkapan OHP, buku rujukan dan buku modul yang disimpan di dalam bilik operasi sekolah masing-masing. Poster dan

bahan bersuci pula hanya terdapat di S1 dan S2 sahaja. Hal ini dijelaskan melalui kenyataan berikut:

*...contohnya macam buku-buku kan, buku-buku rujukan, latihan... yang itu pun kita simpan di dalam surau sebahagian, sebahagian lagi di dalam bilik guru.*

(GS3, 2012: 224)

*...kemudahan yang terdapat dalam bilik ini seperti LCD... OHP yang ada...aa... board, poster-poster yang berkaitan juga dapat membantu ketika kita mengajar.*

(GS2, 2012: 173)

Secara keseluruhannya, semua sekolah mempunyai kemudahan fizikal asas di samping kemudahan BBM yang disimpan di dalam bilik operasi Pendidikan Islam.

### 4.2.3 Faktor Penggunaan Bilik Operasi Pendidikan Islam

Secara umumnya, terdapat dua faktor utama yang mempengaruhi penggunaan bilik operasi Pendidikan Islam, iaitu, faktor dorongan dan faktor halangan. Kajian mendapati bahawa enam faktor telah mendorong guru Pendidikan Islam untuk menggunakan bilik operasi bagi menjalankan P&P. Faktor-faktor ini terdiri daripada BBM, pelajar, guru, pentadbir, keperluan P&P dan rakan guru.

**Jadual 8** Faktor Dorongan Penggunaan Bilik Operasi Pendidikan Islam

Tema	Kod	GS1	GS2	GS3
Bahan Bantu Mengajar	LCD projektor	X	X	X
	Laptop	X	X	X
	Carta	X	X	X
	Poster	X	X	-
	OHP	-	X	X
	Bahan bersuci	X	-	-
Pelajar	Pelajar lebih suka	X	X	X
	Pelajar lebih selesa	X	X	X
	Pelajar lebih mudah beraktiviti	X	X	X
	Pelajar lebih berminat	X	-	-
Guru	Memudahkan guru mengajar	X	X	X
	Memudahkan guru memantau pelajar	X	-	X
Pentadbir	Memberikan galakan	X	-	X

	Memberikan peruntukan	-	X	X
Keperluan P&P	Pertindihan waktu	X	X	X
	Kekurangan kelas	-	X	X
Rakan Guru	Sumbangan peralatan	-	-	X
	Sumbangan tenaga	-	-	X

Petunjuk: GS1 – Guru Sekolah 1, GS2 – Guru Sekolah 2, GS3 – Guru Sekolah 3

Antara faktor utama yang mendorong penggunaan bilik operasi Pendidikan Islam di S1-S3 ialah bahan bantu mengajar (BBM). Bilik operasi yang dilengkapi dengan BBM seperti LCD projektor, komputer riba, carta, poster dan OHP membolehkan guru Pendidikan Islam menggunakannya ketika P&P. Selain itu, sikap pelajar yang lebih suka, selesa dan berminat untuk belajar di dalam bilik operasi juga menjadi salah satu faktor penggunaan bilik operasi. Sebagai contoh:

*...saya rasa pelajar lebih suka dan lebih berminat belajar dalam surau sebab mereka tidak terkongkong sangat...selesalah. (GS1, 2012: 344)*

Seterusnya, guru juga memainkan peranan penting dan mendorong kepada penggunaan bilik operasi Pendidikan Islam. Guru Pendidikan Islam di S1-S3 beranggapan bahawa bilik operasi Pendidikan Islam memudahkan guru mengajar. Namun, terdapat juga guru yang berpendapat bahawa penggunaannya memudahkan proses pemantauan para pelajar. Sebagai contoh:

*Pendidikan Islam berkongsi masa dengan Pendidikan Moral, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil. Jadi, penggunaan kelas itu terhad. Jadi...bilik agama ini memudahkan guru-guru agama dan pelajar Islam.*

(GS2, 2012: 171)

Pentadbir turut memberikan galakan di samping peruntukan kewangan kepada guru Pendidikan Islam agar bilik operasi sentiasa berada dalam keadaan yang baik. Sokongan pentadbir sangat ketara dilihat di S3. Menurut GS3:

*Contohnya, GPK kan... bila dia tengok rehal... dia pernah tengok-tengok tempat simpan rehal di belah sana. Dia tengok, katanya... "Ustazah, tambah lagi rehal, macam tidak cukup untuk pelajar guna"...aa... itu contohnya. Maksudnya, memang ada galakan.*

(GS3, 2012: 375)

Bilik operasi Pendidikan Islam merupakan lokasi penting yang menjadi keperluan untuk melaksanakan P&P Pendidikan Islam. Hal ini demikian kerana pertindihan waktu dengan subjek lain dan masalah kekurangan kelas menyebabkan guru menggunakan bilik operasi Pendidikan Islam di sekolah masing-masing sebagai alternatif. Hal ini dijelaskan oleh GS2:

*..bilik darjah yang sedia ada, kadang-kadang digunakan oleh guru mata pelajaran lain. Pendidikan Islam ini berkongsi masa dengan Pendidikan Moral, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil. Jadi, penggunaan kelas itu terhad.*

(GS2, 2012: 170)

Selain itu, rakan-rakan guru Pendidikan Islam khususnya di S3 turut membantu dalam memastikan bilik operasi dapat digunakan secara optimum. Rakan-rakan GS3 membantu dari segi tenaga dan juga kewangan secara sukarela.

Walau bagaimanapun, guru Pendidikan Islam terpaksa berdepan dengan beberapa faktor yang menghalang penggunaan bilik operasi dalam P&P Pendidikan Islam. Halangan yang dihadapi sedikit sebanyak menjejaskan keberkesanan P&P di dalam bilik tersebut.

**Jadual 9** Faktor Halangan Penggunaan Bilik Operasi Pendidikan Islam

Tema	Kod	G1	G2	G3
Halangan	Kawasan terhad	X	X	X
	Kekurangan BBM	X	X	X
	Ketiadaan dinding pembahagi	-	X	X
	Kekurangan almari/rak	-	X	X
	Ketiadaan tempat wudhuk	X	-	-

Petunjuk: GS1 – Guru Sekolah 1, GS2 – Guru Sekolah 2, GS3 – Guru Sekolah 3

Halangan utama yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam di S1-S3 ialah kawasan yang terhad dan kekurangan BBM di dalam bilik operasi Pendidikan Islam. Hal ini digambarkan seperti berikut:

*...BBM perlu ditambah lagi terutamanya bahan untuk amali bahagian ibadah. Sebab kalau kita ada bahan-bahan itu... cukup bahan itu...*



*pelajar akan lebih faham. Dia nampak, dia buat, dia faham dan dia boleh aplikasikan dalam kehidupan seharian.*

(GS1, 2012: 410)

Selain itu, guru di S2 dan S3 juga menghadapi masalah ketiadaan dinding pembahagi sehingga menyebabkan tumpuan pelajar terganggu apabila lebih daripada satu sesi P&P dijalankan. Almari atau rak untuk menyimpan BBM juga tidak mencukupi. Menurut GS2:

*Kalau ikut dalam ini, tempatnya tidak begitu teratur dan tidak lengkap. Tidak cukup almari untuk kita simpan bahan bantu mengajar. Kebanyakannya kita simpan sendiri.*

(GS2, 2012: 225)

Berdasarkan keseluruhan dapatan kajian, dapat disimpulkan bahawa penggunaan bilik operasi Pendidikan Islam dilihat mempunyai beberapa persamaan dengan penggunaan kelas atau bilik darjah. Selain itu, masih terdapat faktor yang menghalang penggunaan bilik operasi secara optimum bagi meningkatkan penghayatan Islam pelajar. Hal ini memberikan gambaran bahawa bilik operasi Pendidikan Islam masih tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya untuk pelaksanaan P&P, sedangkan bilik operasi sangat berpotensi untuk mengukuhkan ilmu dan kefahaman agama pelajar.

### **4.3 PENUTUP**

Bab ini telah membincangkan analisis dapatan kajian yang melibatkan proses P&P di dalam bilik operasi Pendidikan Islam meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan penilaian. Selain itu, ciri utama bilik operasi Pendidikan Islam bagi pelaksanaan P&P juga dikupas melalui perbincangan elemen kemudahan fizikal dan kemudahan BBM. Seterusnya, faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan bilik operasi Pendidikan Islam dalam P&P dibincangkan.

## **BAB 5**

### **PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN**

#### **5.1 PENDAHULUAN**

Fokus perbincangan dalam bab ini ditumpukan kepada perbahasan aspek P&P di dalam bilik operasi Pendidikan Islam, ciri-ciri bilik operasi yang efektif untuk pelaksanaan P&P Pendidikan Islam dan juga faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan bilik operasi dalam P&P Pendidikan Islam. Berdasarkan kupasan, pengkaji mengutarakan implikasi serta cadangan bagi meningkatkan penggunaan bilik operasi Pendidikan Islam dalam P&P di sekolah menengah. Beberapa cadangan kajian lanjutan juga dikemukakan agar aspek atau perspektif lain juga dapat diteroka pada masa akan datang.


#### **5.2 PERBINCANGAN**

Berdasarkan hasil kajian, didapati bahawa bilik operasi Pendidikan Islam digunakan sebagai lokasi utama untuk pelaksanaan P&P. Bahkan, penggunaannya mempunyai persamaan dengan bilik darjah dari segi perancangan, pelaksanaan dan penilaian P&P. Kaedah pengajaran yang pelbagai juga membuktikan bahawa guru sedaya upaya menarik minat pelajar untuk belajar di dalam bilik operasi di samping aktiviti pembelajaran yang mempunyai kaitan secara langsung dengan topik yang diajar. Sebagai contoh, kaedah amali dilihat sangat ketara di semua sekolah dan kaedah tersebut dianggap sebagai tunjang kepada penekanan aspek praktikal dalam P&P Pendidikan Islam. Pelajar bukan sahaja didedahkan dengan teori tetapi diberi peluang untuk mengaplikasikannya agar sehati dalam diri dan mampu diamalkan dalam kehidupan seharian sebagai seorang muslim.

Dari segi BBM, penggunaan teknologi juga diberi tumpuan kerana rata-rata guru menayangkan power point dan juga video ketika pelaksanaan P&P Pendidikan Islam di dalam bilik operasi. Walau bagaimanapun, BBM lain seperti gambar dan bahan realia tidak diabaikan. Hal ini memberi gambaran bahawa guru berusaha memanfaatkan pelbagai jenis BBM selagi ianya mampu memberi kefahaman kepada pelajar. Pengurusan disiplin pelajar juga dilihat teratur kerana guru sering memberi nasihat dan menekankan tentang adab khususnya guru yang menggunakan surau.

Selain itu, kajian ini juga membuktikan bahawa kemudahan fizikal dan kemudahan BBM wajar dititikberatkan kerana ia turut mempengaruhi penggunaan bilik operasi dalam P&P. Kemudahan harus ditambah dan dinaiktaraf dari semasa ke semasa seiring dengan keperluan P&P. Pelajar dilihat lebih selesa apabila pelbagai kemudahan dilengkapi dan hal ini juga akan memberi kesan terhadap minat mereka untuk mengikuti P&P di dalam bilik operasi Pendidikan Islam. Ketiadaan tempat wudhuk di S1 juga wajar diberi perhatian kerana ketiadaannya menyebabkan amali wudhuk tidak dapat dijalankan dan pelajar terpaksa pergi ke tandas untuk mengambil wudhuk.

Seterusnya, faktor-faktor yang mendorong penggunaan bilik operasi Pendidikan Islam, iaitu faktor BBM, pelajar, guru dan pentadbir menggambarkan bahawa penggunaan bilik operasi memerlukan kerjasama dari pelbagai pihak. Sokongan dan komitmen yang diberikan oleh pelajar dan pentadbir sangat membantu guru dalam memanfaatkan potensi bilik operasi di samping kelengkapan BBM yang mencukupi. Peranan rakan guru juga dilihat wajar dipupuk bagi mewujudkan kebersamaan dalam menjayakan agenda Pendidikan Islam yang begitu penting dalam kehidupan pelajar muslim. Faktor-faktor yang menghalang dilihat tertumpu kepada aspek fizikal bilik operasi yang terhad dan kekurangan BBM yang akhirnya berupaya menjejaskan pelaksanaan P&P guru di dalam bilik operasi. Oleh yang demikian, tidak dapat tidak, aspek kemudahan merupakan elemen asas dalam mewujudkan bilik operasi yang selesa dan boleh dimanfaatkan dengan sebaiknya bagi pelaksanaan P&P khususnya dalam kalangan guru Pendidikan Islam. Secara keseluruhan, dapatan kajian boleh difahami seperti Rajah 2.



Rajah 2 Rajah Pokok Hasil Dapatan Kajian

### **5.3 IMPLIKASI**

Berdasarkan kajian, secara keseluruhannya, implikasi kajian dapat dirumuskan kepada dua bahagian, iaitu Kementerian Pelajaran Malaysia dan guru Pendidikan Islam.

#### **5.3.1 Kementerian Pelajaran Malaysia**

Kementerian Pelajaran Malaysia berperanan dalam memastikan semua guru Pendidikan Islam diberikan latihan, kursus atau bengkel bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam menjalankan P&P di dalam bilik operasi Pendidikan Islam. Seminar dan perkongsian ilmu atau kepakaran juga harus dibudayakan agar profesionalisme guru sentiasa meningkat dari semasa ke semasa. Selain itu, KPM wajar memperkasakan fungsi bilik operasi Pendidikan Islam agar warga sekolah dapat memahami peranannya dalam meningkatkan kefahaman dan penghayatan Islam pelajar. Usaha ini mampu dijayakan melalui penyediaan dana, galakan di samping penganugerahan kepada mana-mana sekolah yang menggunakan bilik operasi Pendidikan Islam secara optimum.

#### **5.3.2 Guru Pendidikan Islam**

Guru harus sentiasa meningkatkan kualiti diri dan profesionalisme seiring dengan keperluan pendidikan zaman moden yang begitu mencabar. Mereka wajar memotivasikan diri dan juga pelajar untuk menggunakan bilik operasi secara optimum demi memastikan P&P Pendidikan Islam dapat dijayakan merangkumi aspek teori dan amali. Guru pendidikan Islam seharusnya lebih kreatif dalam melaksanakan P&P Pendidikan Islam. Mereka seharusnya menggunakan kaedah yang pelbagai bagi merangsang motivasi pelajar seterusnya mewujudkan suasana pembelajaran yang bermakna dan berkesan di dalam bilik operasi Pendidikan Islam. Pelaksanaan proses P&P di dalam bilik operasi Pendidikan Islam bukan hanya sesuai untuk bidang ibadah semata-mata bahkan bidang tilawah al-Quran dan juga bidang-bidang yang lain. Hal ini demikian kerana bilik operasi Pendidikan Islam menyediakan suatu ruang yang


sesuai untuk guru mengadakan aktiviti yang pelbagai selari dengan keperluan topik yang diajar.

#### 5.4 CADANGAN

Terdapat dua bentuk cadangan yang boleh diambil daripada hasil kajian ini, iaitu cadangan umum dan cadangan kajian lanjutan.

##### 5.4.1 Cadangan Umum

Berdasarkan kajian yang dijalankan, satu cadangan model utama dikemukakan sebagaimana yang ditunjukkan dalam Rajah 3. Berdasarkan rajah ini bahawa peranan yang dimainkan oleh guru dan pelajar adalah beriringan ketika sesi pengajaran dan pembelajaran.



Bilik operasi tempat diadakan P&P tersebut pula mempunyai dorongan dan halangan yang perlu diberi perhatian sama dari guru atau pelajar. Hasil daripada proses P&P tersebut yang diadakan dalam bilik operasi Pendidikan Islam mampu mengukuhkan penghayatan Islam pelajar.

#### **5.4.2 Cadangan Kajian Lanjutan**

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, pengkaji mencadangkan agar kajian lanjutan dijalankan seperti berikut:

1. Kajian lanjutan boleh dijalankan dari aspek pengurusan bilik operasi Pendidikan Islam kerana kajian ini tidak menjurus ke arah itu dan lebih memfokuskan kepada penggunaan bilik operasi dalam P&P.
2. Kajian ini juga hanya memfokuskan penggunaan bilik operasi Pendidikan Islam dalam P&P, justeru kajian boleh dijalankan mengenai penggunaan bilik operasi untuk aktiviti keagamaan yang lain.
3. Kajian yang dijalankan juga menggunakan metode kualitatif sepenuhnya, oleh itu kajian lanjutan boleh dijalankan dengan menggunakan metode campuran kualitatif dan kuantitatif agar dapatan yang lebih menyeluruh dapat dihasilkan.
4. Kajian juga terbatas dalam kalangan sekolah di sekitar daerah Johor Bahru. Oleh yang demikian, kajian yang sama boleh dijalankan di daerah lain di negeri Johor atau di negeri yang lain.
5. Kajian yang dijalankan hanya memfokuskan kepada sekolah menengah kebangsaan, justeru kajian yang sama boleh dijalankan di sekolah rendah, sekolah menengah agama, sekolah menengah kebangsaan agama dan sebagainya.

#### **5.5 PENUTUP**

Bilik operasi Pendidikan Islam mempunyai manfaat yang sangat besar dan mampu menyumbang secara signifikan terhadap penghayatan Islam pelajar. Bilik operasi tidak wajar disempitkan penggunaannya sebagai tempat ibadah semata-mata, bahkan harus diambil kira peranannya dalam meningkatkan kefahaman pelajar dalam P&P. Penggunaan bilik operasi wajar dioptimumkan bagi memastikan bahawa elemen praktikal tidak diabaikan dalam proses P&P Pendidikan Islam. Hal ini demikian kerana bilik operasi jelas memainkan peranan yang sangat penting dalam memastikan hasrat melahirkan pelajar yang seimbang dan holistik dapat direalisasikan dengan jayanya.

## RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri, Muhamad Faiz Ismail & Kamarul Azmi Jasmi. 2012. A New Approaches in Islamic Education: Mosque Based Teaching and Learning. *Journal of Islamic and Arabic Education*. 4(1):1-10.
- Ab. Halim Tamuri. 2000. *A Study of Students' Knowledge of Akhlaq of the Malaysian Secondary Education*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti of Birmingham, United Kingdom.
- Ab. Halim Tamuri. 2001. Development of School Curriculum in Muslim Countries: The Malaysian Post-Independence Experience. *Muslim Education Quaterly*. 18 (3) : 22-37.
- Ab. Halim Tamuri, Shahrin Awaluddin & Tajul Ariffin Noordin. 2003. *Fungsi Surau dan Keberkesanannya dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam: Satu Kajian di Sekolah-Sekolah Menengah Negeri Selangor*. Laporan Penyelidikan. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ab. Halim Tamuri, Adnan Yusopp, Kamisah Osman, Shahrin Awaluddin, Zamri Abdul Rahim & Khadijah Abdul Razak. 2004. *Keberkesanan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam ke atas Pembangunan Diri Pelajar*. Laporan Penyelidikan. Bangi: Fakulti Pendidikan, UKM dan Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Abd. Shukor Mohd Ali. 2008. Modul Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam berasaskan Masjid: Satu Kajian di Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Rawang, Bandar Tasik Puteri, Rawang, Selangor. Kertas Kerja Projek Sarjana Pendidikan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdullah Ishak. 1995. *Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Sani Yahaya. 2003. *Perkembangan Pendidikan di Malaysia*. Pahang: PTS Publications and Distributor Sdn Bhd.
- Abdullah Muhamad Zin, Zulkiple Abd Ghani & Abdul Ghafar Don. 2005. *Pendidikan Islam di Malaysia: dari Pondok ke Universiti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abd. Rauf Dalip. 1990. Pendidikan Islam dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah : Ke Arah Amalan dan Penghayatan Nilai Islam. *Jurnal Pendidikan Islam*. (2) : 36-45.
- Abu Al-'Ainain, 'Ali Khalil Mustofa. 1988. *Falsafah al-Tarbiyyah al-Islamiyyah fi al-Quran al-Karim*. Al-Madinah al-Munawwarah: Maktabah Ibrahim Halbi.
- Ahmad Tafsir 2002. *Metodologi Pengajaran Agama Islam*. Bandung: Penerbit PT Remaja Rosdakarya.



- Airi Abu Bakar. 2003. *Sikap Pelajar terhadap Mata pelajaran Pendidikan Islam: Satu Kajian di Sekolah-Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Alor Gajah Melaka*. Kertas Kerja Projek Sarjana Pendidikan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Abrasyi, Muhammad 'Atiyah. 1976. *Al-Tarbiyah al-Islamiyyah wa Falasafatuha*. al-Qahirah: Dar al-Fikr al-Arabiyy.
- Al-Attas, Syed Muhammad al-Naquib. 1979. *Aims and Objective of Islamic Education*. Jeddah: Hodder and Stoughton.
- Al-Attas, Syed Muhammad al-Naquib. 1980. *The Concept of Education in Islam: A Framework for an Islamic Philosophy of Education*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).
- Al-Nahlawy, Abdul Rahman. 1979. *Usul al-Tarbiyah al-Islamiyyah wa Asalibiha*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Al-Syaibany, Umar bin Muhammad al-Taomy. 1975. *Muqaddimah fi Falsafah al-Islamiyyah*. Libya: al-Dar al-Arabiyyah li al-Kitab.
- Amjad Mahmud Hussain, Mohd Aderi Che Nohd & Ab. Halim Tamuri. 2011. The Need for an Islamic Social History: A Focus on Islamic Education. *Muslim Education Quaterly*. 24 (3&4) : 3-13.
- Anisah Ali. 2009. *Keberkesanan Modul Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Berasaskan Masjid : Satu Kajian di SMKA Sultan Muhammad, Melaka*. Kertas Kerja Projek Sarjana Pendidikan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bahagian Pendidikan Islam. KP.5206/12/5 (17), 2 Mac 1989.
- Bani Hidayat Mohd Shafie, Nor Hayati Fatmi Talib, Mohd Aderi Che Noh & Ab. Halim Tamuri. 2010. Penggunaan Surau Sekolah dalam Pelaksanaan Pendidikan Islam KBSM di Sekolah-Sekolah Menengah. *International Conference on Islamic Education*, hlm 143-155.
- Campo, Juan Eduardo. 2009. *Encyclopedia of Islam*. New York: Infobase Publishing.
- Cohen, L. & Morrison, K. 2000. *Research Methods in Education*. (5th Ed). London: Routledge Falmer.
- Corbin, Juliet & Strauss, Alselm. 2008. *Basics of Qualitative Research*. (3rd Ed.). London: Sage Publications Ltd.
- Creswell, John W. 2003. *Design Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*. (2nd Ed.). California : Sage Publications, Inc.
- El-Muhammady, Abdul Halim. 1991. *Pendidikan Islam: Falsafah, Disiplin dan Peranan Pendidik*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).

- Esposito, John L. 1995. *The Oxford Encyclopedia of the Modern World*. New York: Oxford University Press.
- Ghazali Darussalam. 2001. *Pedagogi Pendidikan Islam*. Selangor: Cepat Cetak Sdn. Bhd
- Hassan Langgulung. 1981. *Beberapa Tinjauan dalam Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Hassan Langgulung. 1987. *Asas-asas Pendidikan Islam*. Jakarta: Pustaka al-Husna.
- Hennink Monique, Hutter Inger & Bailey Ajay. 2011. *Qualitative Research Methods*. London: Sage Publications Ltd.
- Holliday, Adrian. 2007. *Doing and Writing Qualitative Research*. (2<sup>nd</sup> Ed.). London: Sage Publications Ltd.
- Hussain Othman, Berhannudin Mohd Salleh, Syed Muhammad Dawilah al-Edrus & Abdullah Sulaiman. 2008. Pelaksanaan Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman (PBL dan POPBL) bagi Meningkatkan Kemahiran Insaniah Pelajar. *Prosiding SKIKS*, hlm 107-118.
- Jasmi Amin, Ab. Halim Tamuri & Noor Zaly Moktar Kasim. 2010. Peranan Surau Sekolah Sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan Islam. *International Conference on Islamic Education*, hlm 287-302.
- Jasmi Amin. 2011. *Penggunaan Surau dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Kebangsaan di Negeri Melaka*. Tesis Sarjana Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. 2007. *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Johor: Penerbit UTM.
- Kamarul Azmi Jasmi. 2010. *Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes*. Tesis doktor falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2002. *Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSM*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kolb, Alice Y. & Kolb, David A. 2005. Learning Styles and Learning Space: Enhancing Experiential Learning in Higher Education. *Academy of Management Learning & Education*. 4(2):193-212.
- Kolb, David A. 1984. *Experiential Learning: Experience as a Source of Learning and Development*. Prentice-Hall, Inc.
- Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Dasar Pelajaran. 1984. Kementerian Pelajaran Malaysia. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mahmoud Abdulwahed & Zoltan K. Nagy. 2009. Applying Kolb's Experiential Learning Cycle for Laboratory Education. *Journal of Engineering Education*. Julai:283-294.
- Merriam, Sharan B. 1998. *Qualitative Research and Case Study Applications in Education: Revised and Expanded from Case Study Research in Education*. John Wiley & Sons.
- Mohd. Azman Mohamed Yusof 2009. *Modul pengajaran dan pembelajaran berasaskan masjid pendidikan Islam KBSM Tingkatan Dua di Sekolah Menengah Agama Persekutuan, Kajang Selangor*. Kertas Kerja Projek Sarjana Pendidikan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Mokhtar Shafii. 2003. Masjid sebagai pusat pendidikan dan penjaan umat cemerlang. *Jurnal Pendidikan Islam*. (10) : 41-56.
- Mok Soon Seng. 1992. *Pedagogi 2: Strategi Pengajaran Pembelajaran Mikro*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.
- Neuman, W.R. 2003. *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches*. (3rd ed.). Needham Height, MA: Allyn and Bacon.
- Patton, M. Q. (1990). *Qualitative Evaluation and Research Method*. (2<sup>nd</sup> Ed.) Thousand Oaks: Sage Publication.
- Pekeliling Kementerian Pelajaran Bil 9A/1976, 9 September 1976.
- Richards, Lyn. 2009. *Handling Qualitative Data*. London: Sage Publications Ltd.
- Robert W. Clark, Mark D. Threeton & John C. Ewing. 2010. The Potential of Experiential Learning Models and Practices in Career and Technical Education. *Journal of Career and Technical Education*. 25 (2):46-62.
- Rosli Ibrahim. 2010. *Penilaian Pelajar terhadap Fungsi Surau dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam di Sekolah-Sekolah Menengah Harian Daerah Pasir Mas Kelantan*. Kertas Kerja Projek Sarjana Pendidikan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shahrin Awaluddin. 1998. Pendidikan Islam Berasaskan Realiti Semasa. Dlm Juriah Long (pny). *Inovasi dalam Kaedah Pengajaran*. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shahril@Charil Marzuki, Zainun Ishak, Lee Pau Wing & Saedah Siraj. 1995. *Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Syed Muhammad Qutb. 1992. Peranan Agama dalam Pendidikan. Dlm. Syed Muhammad al-Naquib al-Attas. 1992. *Tujuan dan Objektif Pendidikan Islam*. (Terj.) Samsudin Jaapar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yin, Robert K. 2009. *Case Study Research : Design and Methods* (4<sup>th</sup> Ed.). London: Sage Publications.